

Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd

Terma dan Syarat Am (Tarikh Kuat Kuasa: September 2022)

Dokumen ini menetapkan terma dan syarat am yang mentadbir akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan yang **AL RAJHI BANKING & INVESTMENT CORPORATION (MALAYSIA) BHD (No. Pendaftaran: 200501036909 (719057-X))** ("Bank", "kita" atau "kami") mungkin menawarkan anda dari semasa ke semasa (**Terma dan Syarat Am**). Pastikan anda baca dan fahami Terma dan Syarat Am ini dengan teliti sebelum memperoleh sebarang akaun, produk atau perkhidmatan daripada kami. Sila hubungi kami jika anda memerlukan sebarang penjelasan. Dengan membuka dan menggunakan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan kami, anda bersetuju dan menerima Terma dan Syarat Am ini.

1. TERMA DAN SYARAT

1.1 **Dokumentasi:** Terma dan Syarat Am ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat dan dokumen-dokumen tambahan berikut, setiap satu sebagaimana yang mungkin dipinda, diubah suai atau ditambah dari semasa ke semasa (**Dokumen Tambahan**):

- (a) Terma dan Syarat Khusus kami, tersedia di <https://www.alrajhibank.com.my/> atau dalam aplikasi mudah alih, yang menetapkan terma dan syarat khusus untuk akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan yang anda peroleh daripada kami (**Terma dan Syarat Khusus**);
- (b) sebarang terma dan syarat lain yang mungkin kami nasihatkan dalam mana-mana perjanjian lain yang mengawal hubungan anda dengan kami termasuk borang permohonan pelanggan, borang arahan pelanggan, borang pengisytiharan pelanggan dan borang persetujuan pelanggan (**Dokumen Permohonan**);
- (c) sebarang terma dan syarat lain yang mungkin kami nasihatkan dalam kempen atau bahan promosi bermusim kami, yang menetapkan terma dan syarat yang terpakai apabila anda menyertai kempen atau promosi kami (**Terma dan Syarat Kempen**);
- (d) sebarang terma dan syarat lain yang mengawal penggunaan perkhidmatan perbankan internet peribadi kami / perkhidmatan perbankan mudah alih peribadi / perbankan internet perniagaan dan perkhidmatan pengurusan tunai, tersedia di <https://www.alrajhibank.com.my/> atau dalam aplikasi mudah alih, yang menetapkan terma dan syarat yang terpakai apabila anda menggunakan saluran perbankan elektronik kami untuk mengakses akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan anda (**Terma Perbankan Elektronik**);
- (e) sebarang dokumen lain yang digabungkan atau dirujuk di sini;
- (f) Notis Perlindungan Data Peribadi kami, tersedia di <https://www.alrajhibank.com.my/> atau dalam aplikasi mudah alih, (seperti yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa) yang menetapkan terma-terma berkaitan dengan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi anda oleh kami; dan
- (g) sebarang pendedahan atau notis kawal selia lain (seperti yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa) yang disediakan untuk anda.

1.2 **Baca dan Fahami.** Anda dikehendaki baca dan fahami Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan. Dengan menggunakan dan mengekalkan akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan dengan kami, anda bersetuju dan menerima Terma dan Syarat Am ini serta Dokumen Tambahan yang berkaitan. Kami mungkin, dari semasa ke semasa, meminda Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan. Anda mesti menyemak Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan pada selang masa yang tetap untuk memastikan anda mengetahui sebarang perubahan atau pindaan. Sekiranya pada bila-bila masa anda tidak lagi bersetuju atau menerima Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan yang berkaitan, anda mestilah segera berhenti menggunakan akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan kami.

1.3 Perubahan dan Variasi

- (a) Kami mungkin, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, menambah, meminda, mengubah, memadam atau membuat tambahan Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada anda (i) secara bertulis atau melalui komunikasi elektronik, (ii) di laman web Bank; (iii) di platform perbankan internet atau perbankan mudah alih Bank; (iv) dipaparkan di cawangan-cawangan Bank, atau (v) mana-mana kaedah yang dianggap wajar oleh pihak Bank. Perubahan-perubahan ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
- (b) Sekiranya kami perlu menambah, meminda, mengubah, memadam atau membuat tambahan kepada Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan untuk (i) digunapakai kepada peraturan-peraturan dan/atau arahan-arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang mengikat kami dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh mana-mana Pihak Berkuasa kawal selia; atau (ii) memberi kesan kepada keselamatan akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan; kami mungkin memberi anda tempoh notis yang lebih pendek daripada dua puluh satu (21) hari kalendar.
- (c) Anda boleh membantah perubahan ini sebelum tarikh berkuat kuasa dengan memberikan bantahan anda secara bertulis kepada kami dan teruskan menutup atau menamatkan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang terjejas dengan serta-merta. Jika anda tidak menghubungi kami secara bertulis untuk menyatakan bantahan anda terhadap perubahan ini sebelum tarikh berkuat kuasa atau jika anda telah mengemukakan bantahan tetapi anda tidak meneruskan untuk menutup atau menamatkan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang terjejas, penyenggaraan berterusan anda, pengekalan atau bukan penamatan akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan selepas tarikh kuat kuasa perubahan akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap perubahan tersebut.

1.4 Percanggahan

- (a) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan mana-mana terjemahan Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.
- (b) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara dokumen-dokumen berikut, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dokumen yang berkenaan, dokumen-dokumen tersebut akan ditafsirkan mengikut urutan keutamaan seperti berikut:
 - (i) Terma Perbankan Elektronik;
 - (ii) Terma dan Syarat Kempen;
 - (iii) Dokument Permohonan;
 - (iv) Terma dan Syarat Khusus; and
 - (v) Terma dan Syarat Am ini.

dengan syarat bahawa mana-mana peruntukan dalam dokumen-dokumen ini didapati bercanggah dengan mana-mana peraturan yang ditetapkan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia hendaklah setakat percanggahan tersebut dianggap digantikan oleh keperluan kawal selia yang berkaitan.

2. PEMATUHAN SHARIAH

- 2.1 **Tiada bayaran faedah.** Tiada apa-apa dalam Terma dan Syarat Am ini atau Dokumen Tambahan akan mewajibkan Bank atau Pelanggan, masing-masing, untuk membayar atau menerima faedah (dengan apa jua cara atau nama yang dipanggil) atas sebarang jumlah yang kena atau perlu dibayar kepada pihak lain atau melakukan apa-apa yang bertentangan dengan Pematuhan Syariah.

- 2.2 Terma dan Syarat Am ini atau Dokumen Tambahan mematuhi peraturan dan keputusan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah (**SAC**) Bank Negara Malaysia atau Jawatankuasa Syariah pihak Bank masing-masing.
- 2.3 **Pematuhan Syariah oleh Pelanggan.** Anda bertanggungjawab dalam membuat penilaian anda sendiri tentang pemuatan Syariah untuk Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan. Anda tidak boleh menggunakan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan kami untuk sebarang tujuan bukan pemuatan Syariah.
- 2.4 Pihak Bank dan Pelanggan secara tidak boleh batal dan tanpa syarat bersetuju bahawa mereka tidak akan membangkitkan sebarang tuntutan, bantahan mengenai perkara ketidakpatuhan Syariah berkenaan dengan atau sebaliknya berhubung dengan mana-mana peruntukan Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan.

3. DEFINISI

- 3.1 Definisi berikut digunakan untuk Terma dan Syarat Am ini melainkan dinyatakan sebaliknya:

“Aktiviti Pemuatan Jenayah Kewangan”	:	mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 7.2.
“ATM”	:	bermaksud suatu mesin juruwang automatik.
“Bank”	:	bermaksud Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad (No. Pendaftaran: 200501036909 (719057-X)) dan pengganti hakmilik, dan mana-mana <i>novate</i> , pemegang serahhak, penerima pindahan, atau pembeli hak-hak dan/atau obligasi Bank di bawah Terma dan Syarat Am ini.
“Hari Perniagaan”	:	bermaksud suatu hari (selain Sabtu, Ahad dan cuti umum sama ada diwartakan atau tidak)) di mana bank-bank Islam dan bank-bank perdagangan dibuka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia untuk transaksi perniagaan.
“Kelulusan”	:	bermaksud (a) mana-mana kebenaran, persetujuan atau kelulusan, pengecualian, lesen, penepian, pemberitahuan dan pemfailan daripada, atau dengan suatu Pihak Berkuasa, dan (b) jika Pelanggan bukan individu, mana-mana kuasa atau kelulusan korporat atau dalaman yang diperlukan di bawah konstituen dokumennya.
“Maklumat Pelanggan”	:	mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 9.1.
“Mematuhi Syariah” atau “Pemuatan Syariah”	:	Mematuhi Syariah merujuk kepada pemuatan kepada perintah dan keputusan Syariah yang dikeluarkan oleh SAC Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah pihak Bank, masing-masing, dan seperti yang ditetapkan oleh mana-mana badan kawal selia (seperti SAC Suruhanjaya Sekuriti Malaysia) dimana berkatitan.
“Parti Pelanggan”	:	mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 25.3.
“Pelanggan” atau “anda”	:	bermaksud seseorang yang pihak Bank telah bersetuju untuk menyediakan suatu akaun, produk atau perkhidmatan di

bawah Terma dan Syarat Am ini, dan akan, dalam kes individu-individu, termasuk wakil (wakil-wakil) peribadi mereka, dan juga penerima serahhaknya atau penerima pindahannya.

- “Pihak Berkuasa”** : bermaksud mana-mana means pengawal selia, pihak berkuasa kerajaan atau agensi yang mempunyai bidang kuasa atas Bank atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pelanggan.
- “Sekatan”** : mana-mana sekatan yang dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Menteri Dalam Negeri Malaysia, Pihak Berkuasa Kewangan Arab Saudi (**SAMA**), Jabatan Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan AS (*US Department of the Treasury’s Office of Foreign Assets Control*, **OFAC**), Kesatuan Eropah, dan Perbendaharaan Baginda (*Her Majesty’s Treasury*).
- “Subjek Data”** : mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 32.
- “Undang-undang Anti-Rasuah”** : bermaksud semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan anti-penyogokan dan anti-rasuah, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- “Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan”** : bermaksud semua undang-undang, arahan, dokumen polisi, garis panduan, arahan amalan, bimbingan antarabangsa, perintah mahkamah, penghakiman, tuntutan dan permintaan daripada Pihak Berkuasa, dan mana-mana keperluan kawal selia, berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pengelakan cukai, penyogokan, penipuan, penipuan kewangan, sekatan, anti-pemintasan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Undang-undang Anti-Rasuah, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Sekatan.
- “Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram”** : bermaksud semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan anti-penyogokan dan anti-rasuah, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

3.2 Dalam Terma dan Syarat Am ini, di mana konteksnya mengakui:

- (a) rujukan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada peruntukan-peruntukan yang telah dipinda atau digubal semula atau seperti penerapannya diubahsuai oleh peruntukan-peruntukan lain dari semasa ke semasa dan hendaklah mengandungi rujukan kepada mana-mana peruntukan yang ia merupakan penggubalan semula (sama ada dengan atau tanpa pengubahsuaian).
- (b) rujukan kepada “Terma dan Syarat Am” atau kepada mana-mana perjanjian atau dokumen lain yang dirujuk dalam Terma dan Syarat Am ini, bermakna dokumen ini atau perjanjian atau dokumen tersebut seperti mana yang dipinda, diubah, ditambah atau dinovasi dari semasa ke semasa, dan termasuk lampiran/jadual.
- (c) rujukan kepada “Terma dan Syarat Am” adalah termasuk Terma dan Syarat Khusus, seperti mana yang dipinda dari semasa ke semasa, yang dianggap telah digaungkan melalui rujukan dalam dan menjadi sebahagian daripada dokumen ini.

- (d) kata-kata yang bermaksud genus maskulin hendaklah termasuk genus feminin dan begitu juga sebaliknya dan kata-kata yang bermaksud tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.
- (e) sekiranya dua atau lebih orang atau pihak yang dimasukkan atau dirangkum dalam mana-mana ungkapan dan akujanji yang dinyatakan sebagai dibuat oleh orang atau pihak tersebut perkara yang sama akanlah dikuatkuasakan oleh atau terhadap mereka secara bersama dan berasingan.
- (f) tajuk-tajuk dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak akan menjejaskan tafsirannya.
- (g) “hari”, “bulan” atau “tahun” adalah rujukan kepada hari, bulan atau tahun masing-masing dalam kalendar Gregorian dan “bulan” bermaksud tempoh bermula pada suatu hari dalam bulan kalendar dan berakhir pada hari yang sama mengikut nombornya dengan hari dalam bulan kalendar berikutnya kecuali di mana, mana-mana tempoh tersebut sebaliknya akan berakhir pada hari yang bukan merupakan Hari Perniagaan, ia akan berakhir pada Hari Perniagaan berikutnya dengan syarat bahawa sekiranya suatu tempoh bermula pada Hari Perniagaan terakhir dalam suatu bulan kalendar atau jika tiada tarikh yang sama mengikut nombornya pada bulan kalendar di mana tempoh itu berakhir, tempoh itu akan berakhir pada Hari Perniagaan terakhir dalam bulan kalendar tersebut (dan rujukan kepada “bulan-bulan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya);
- (h) sekiranya mana-mana tempoh masa ditentukan daripada suatu hari tertentu, atau hari perbuatan atau peristiwa tertentu, ia hendaklah dikira tidak termasuk hari itu dan sekiranya mana-mana tempoh masa jatuh pada hari bukan Hari Perniagaan, maka tempoh itu akan dianggap hanya tamat pada Hari Perniagaan berikutnya.

4. MEWUJUDKAN HUBUNGAN PERBANKAN

- 4.1 **Mewujudkan hubungan perbankan.** Sebarang permohonan untuk akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan adalah tertakluk kepada kelulusan kami dan anda memenuhi semua keperluan kelayakan produk. Anda hendaklah memberikan dokumen dan maklumat yang diperlukan oleh kami apabila anda memohon untuk akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan. Kami boleh menerima atau menolak permohonan anda mengikut budi bicara kami tanpa menyatakan sebarang sebab melainkan kami dikehendaki oleh undang-undang untuk memberikan sebab. Walaupun kami telah menyediakan anda akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan, kami mungkin menghentikan sebarang akaun, produk atau perkhidmatan kepada anda pada bila-bila masa tanpa menyatakan sebarang sebab melainkan kami dikehendaki oleh undang-undang untuk memberikan sebab.
- 4.2 **Sekatan dan jenayah kewangan.** Anda mengakui bahawa kami tidak boleh mewujudkan atau mengekalkan hubungan perbankan dengan sesiapa yang tertakluk kepada Sekatan dan terlibat atau disyaki melanggar Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan.
- 4.3 **Pemindahan antara cawangan.** Walaupun anda mungkin telah mewujudkan hubungan perbankan dengan suatu cawangan pihak Bank, kami mungkin memindahkan penyenggaraan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan kepada cawangan lain dengan memberikan notis yang munasabah kepada anda.
- 4.4 **Pembukaan akaun dalam talian.** Kami mungkin menawarkan anda keupayaan untuk membuka akaun dalam talian melalui elektronik memahami-pelanggan-anda (**eKYC**). Ketersediaan perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada prosedur pihak Bank dan keperluan kelayakan. Dalam sesetengah keadaan, seperti, di mana eKYC tidak berjaya dilaksanakan atau kami memerlukan maklumat lanjut mengenai anda, kami mungkin memerlukan anda menghadiri cawangan terdekat untuk melengkapkan proses pengesahan dan pengaktifan akaun.

5. MAKLUMAT ANDA

- 5.1 **Maklumat hendaklah tepat.** Semua maklumat seperti nama, alamat, nombor telefon dan e-mel yang anda berikan kepada kami mestilah lengkap, tepat dan benar pada setiap masa. Anda mesti segera mengemaskini kami secara bertulis atau melalui saluran yang disediakan oleh Bank tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda. Kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada kegagalan anda berbuat demikian. Pihak Bank boleh bergantung kepada maklumat tentang anda seperti yang dinyatakan dalam rekod Bank sebagai lengkap, benar dan betul sehingga Pelanggan memberitahu pihak Bank secara bertulis tentang sebarang perubahan dan pihak Bank mempunyai peluang yang mencukupi untuk bertindak ke atas maklumat yang dikemaskinikan.
- 5.2 **Memahami pelanggan anda dan semakan usaha wajar pelanggan.** Kami akan menjalankan usaha wajar dan bertanya soalan mengenai anda, latar belakang anda, sumber dana anda dan transaksi anda. Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin perlu juga melakukan semakan kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam transaksi anda. Anda bersetuju untuk mematuhi sebarang permintaan daripada kami untuk mendapatkan maklumat lanjut dan memberikan pengisytiharan, dokumen dan maklumat sedemikian dalam format yang boleh diterima oleh kami dalam tempoh masa yang diperlukan. Tambahan itu, anda bersetuju bahawa kami boleh membuat, secara langsung atau melalui mana-mana pihak ketiga, sebarang pertanyaan yang kami anggap perlu untuk mengesahkan maklumat yang anda berikan kepada kami, termasuk menyemak pangkalan data komersial atau laporan-laporan kredit.
- 5.3 **Akibat kegagalan memberikan maklumat.** Sekiranya anda tidak menjawab permintaan kami untuk maklumat dalam tempoh masa yang diperlukan, kami berhak untuk menutup, menggantung atau mengehadkan akses anda kepada akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang terjejas, termasuk tetapi tidak terhad kepada tidak membenarkan atau melengahkan sebarang transaksi oleh anda. Kami boleh melaksanakan hak ini tanpa notis terlebih dahulu.

6. AKUJANJI, REPRESENTASI DAN JAMINAN PELANGGAN

Anda membuat akujanji, representasi dan jaminan berikut kepada pihak Bank yang anda ulangi pada setiap masa sehingga penamatan hubungan perbankan.

6.1 Kapasiti

6.1.1 Anda mempunyai kuasa dan kapasiti:

- (a) untuk membuka, mengekalkan dan menyenggara akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang diberikan atau disediakan oleh pihak Bank; dan
- (b) untuk memasuki dan melaksanakan obligasi anda di bawah Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan.

6.1.2 Sekiranya Pelanggan adalah individu:

- (a) anda mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- (b) anda tidak ditentukan sebagai tidak kompeten atau tidak waras; dan
- (c) anda bukan bankrap yang belum dilepaskan, tidak ada petisyen kebangkrutan terhadap anda dan anda tidak melakukan perbuatan kebangkrutan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh Terma dan Syarat Am ini.

6.1.3 Sekiranya Pelanggan bukan individu:

- (a) Pelanggan telah diperbadankan dengan sewajarnya, ditubuhkan dan sah wujud di bawah undang-undang bidang kuasa organisasi atau pemerbadanan Pelanggan dan, jika berkenaan di bawah undang-undang tersebut, dalam kedudukan yang baik;

- (b) tiada prosiding undang-undang dan/atau kebangkrapan atau penggulangan atau prosiding insolvensi yang diancam atau masih dijalankan terhadap Pelanggan atau Pelanggan bukan bankrap atau digulung atau tidak solven atau tidak memasuki atau mencadang untuk memasuki perkiraan sukarela dengan pemiutang-pemiutang atau tiada penerima dan/atau pengurus yang dilantik untuk mengambil alih aset dan/atau perniagaan Pelanggan atau tiada permohonan yang dibuat atau masih dijalankan oleh sesiapa untuk perintah agar Pelanggan diletakkan di bawah pengurusan kehakiman dan juga untuk pelantikan pengurusan kehakiman atau tiada pengaturan atau persetujuan penyelesaian (sukarela atau sebaliknya) yang dimasukkan atau dicadangkan untuk dimasukkan oleh Pelanggan dengan pemiutang-pemiutangnya;
- (c) penerimaannya, penandatanganannya, penyerahan atau pelaksanaan Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan, dan sebarang arahan yang diberikan olehnya tidak dan tidak akan melanggar atau menjadi keingkaran di bawah, atau menyebabkan melebihi had, (i) sebarang undang-undang terpakai kepadanya atau mana-mana asetnya; (ii) dokumen konstituennya; atau (iii) sebarang perjanjian yang mengikat Pelanggan.

6.2 Kuasa

Pelanggan telah mendapatkan atau akan mendapatkan semua Kelulusan yang diperlukan untuk memasuki Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan dan untuk melaksanakan obligasi Pelanggan dibawah Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan.

6.3 Sekatan

- (a) Pelanggan tidak (i) tertakluk kepada sebarang Sekatan atau (ii) terletak, teratur atau bermastautin di negara atau wilayah yang menjadi subjek Sekatan.
- (b) Sekiranya Pelanggan bukan individu, ia selanjutnya membuat representasi dan menjamin kepada pihak Bank bahawa pengarah-pengarah, pekongsi-pekongsi, pengurus-pengurus, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan wakil-wakil yang diberikuasa tidak (i) tertakluk kepada sebarang Sekatan atau (ii) terletak, teratur atau bermastautin di negara atau wilayah yang menjadi subjek Sekatan.

6.4 Pematuhan kepada Undang-undang Anti-Rasuah

Pelanggan mematuhi Undang-undang Anti-Rasuah.

6.5 Pematuhan kepada Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Pelanggan mematuhi Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

6.6 Representasi-representasi lain

- (a) Semua maklumat dan dokumen yang diberikan kepada pihak Bank adalah benar, tepat, tulen, tidak diubah atau tidak dipalsukan.
- (b) Tiada sesiapa kecuali anda mempunyai kepentingan dalam akaun kecuali perkara yang sama dimaklumkan kepada Bank secara bertulis pada masa pembukaan akaun.
- (c) Anda tidak sengaja menahan sebarang maklumat atau fakta yang akan menyebabkan pihak Bank menolak sebarang akaun, produk atau perkhidmatan kepada anda.
- (d) Anda telah menerima, membaca dan memahami risalah mengenai sistem insurans deposit yang diterbitkan oleh PIDM dan telah dimaklumkan tentang kebolehinsurans akaun, produk atau perkhidmatan.
- (e) Anda memahami bahawa anda patut mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri mengenai Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan.
- (f) Anda menyedari bahawa penggunaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank adalah tertakluk kepada pihak berkuasa penyeliaan Bank Negara Malaysia dan Pihak Berkuasa lain yang berkenaan.

6.7 Akujanji anda

- (a) Anda menerima tanggungjawab penuh untuk kesahihan, kesahan dan ketepatan semua arahan yang diberikan oleh anda dan semua transaksi yang dilaksanakan oleh anda.
- (b) Sekiranya akaun anda bukan dibuka untuk tujuan perniagaan, tidak menggunakan akaun anda untuk tujuan perniagaan.
- (c) Anda mesti mematuhi semua permintaan munasabah oleh pihak Bank.
- (d) Anda mesti memberikan kami dengan semua maklumat dan dokumentasi untuk mematuhi Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan.
- (e) Anda mesti mematuhi Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan.
- (f) Anda mesti mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah yang terpakai kepada penggunaan anda terhadap sebarang akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan.
- (g) Anda mesti memastikan bahawa akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan tidak digunakan dalam apa-apa cara untuk memudahkan sebarang aktiviti atau tujuan penipuan atau menyalahi undang-undang.
- (h) Anda mesti memastikan bahawa akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan tidak digunakan dalam apa-apa cara yang melanggar Sekatan, Undang-undang Anti-Rasuah dan Undang-undang Pencegahan Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

7. MENGURUS RISIKO JENAYAH KEWANGAN

7.1 **Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan.** Pihak Bank diwajibkan mematuhi Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan. Pihak Bank mungkin menghalang daripada melakukan mana-mana yang, pada pendapatnya, merupakan pelanggaran Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan.

7.2 Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan

- (a) Pihak Bank dikehendaki untuk melaksanakan aktiviti atau mengambil tindakan yang dianggap sesuai untuk mencegah, mengesan, mengurangkan risiko, menyiasat atau melaporkan perkara-perkara berkaitan dengan Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan yang termasuk, tapi tidak terhad kepada:
 - (i) pihak Bank menjalankan pemeriksaan dan pemintasan transaksi; usaha wajar pelanggan; pertanyaan mengenai sumber dana; pertanyaan mengenai pihak balas transaksi anda; penyiasatan ke atas pelanggaran, percubaan atau pengelakan sebenar atau yang disyaki Pelanggan berhubung dengan Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan; dan pendedahan pengawalseliaan dan pelaporan kepada Pihak Berkuasa (termasuk Pihak Berkuasa cukai);
 - (ii) pihak Bank melengahkan, menggantungkan, mengehadkan, menolakkan, menamatkan, atau membatalkan (mengikut mana-mana yang berkenaan) sebarang permohonan untuk akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan, arahan Pelanggan, transaksi Pelanggan atau penyediaan semua atau sebahagian daripada mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan; DAN
 - (iii) pihak Bank mengambil langkah untuk bertindakbalas terhadap sebarang aktiviti penipuan atau menyalahi undang-undang yang disyaki melibatkan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan Pelanggan seperti pelaporan, perkongsian maklumat, membatalkan, melengahkan atau menggantungkan transaksi atau arahan Pelanggan, menahan dana untuk tempoh masa yang munasabah (sama ada perintah pembekuan dikeluarkan atau tidak), menggantung, mengehadkan, menamatkan akses kepada akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan dan melaksanakan pembalikan transaksi dan bayaran balik mengikut Klausula 19 (secara kolektif, **Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan**).

- (b) Penyediaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan mungkin terjejas oleh Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan. Sebarang kesan ke atas pelaksanaan obligasi pihak Bank atau sebarang tindakan yang diambil oleh pihak Bank disebabkan oleh Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan tidak akan dianggap sebagai pelanggaran obligasi pihak Bank di bawah Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan.
- (c) Berhubung dengan Klausula 7.2(a)(iii), pihak Bank mungkin secara munasabah mempercayai bahawa akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan Pelanggan terlibat dalam aktiviti penipuan atau menyalahi undang-undang yang disyaki, yang timbul daripada hasil penyiasatan, pemantauan atau aktiviti pengawasannya, apabila pihak Bank menerima laporan polis yang dibuat terhadap Pelanggan, apabila Bank menerima notis daripada institusi kewangan lain, atau Bank menerima notis daripada pihak berkuasa kawal selia atau penyiasatan.
- (d) Melainkan dilarang oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan, kos, atau apa jua caj yang ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada atau berkaitan dengan pihak Bank yang melaksanakan Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan. Anda hendaklah memastikan Bank ditanggung rugi sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, caj, dan kos (sah atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan pelanggan dan kos pihak kepada pihak) yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh anda atau mana-mana orang lain. Akan ada keadaan di mana pihak Bank tidak akan dapat memberikan maklumat atau notis terperinci kepada Pelanggan disebabkan oleh sekatan undang-undang dan/atau peraturan.

8. PEMATUHAN CUKAI

- 8.1 Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memahami dan mematuhi obligasi cukai anda dalam mana-mana bidang kuasa yang mungkin timbul berkaitan dengan penggunaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan oleh anda. Pihak Bank tidak memberikan nasihat cukai atau undang-undang. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat undang-undang dan cukai yang bebas.
- 8.2 Untuk mematuhi Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan, pihak Bank dikehendaki sebagai sebahagian daripada Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan kami untuk mengumpul dan melaporkan kepada Pihak Berkuasa cukai maklumat yang berkaitan tentang anda. Pihak Berkuasa cukai yang berkaitan mungkin akan menukar maklumat anda dengan pihak berkuasa cukai lain dari bidang kuasa lain. Anda bersetuju untuk memberikan kami maklumat dan dokumen seperti yang kami perlukan dari semasa ke semasa berkaitan dengan pemastautin cukai anda. Anda mengaku janji bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan adalah benar, betul dan lengkap. Anda hendaklah memaklumkan pihak Bank dengan segera dan tidak lewat daripada 30 hari sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat dan dokumen ini yang dibekalkan kepada pihak Bank. Sekiranya anda gagal menjawab permintaan kami untuk maklumat, kami boleh (i) mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kami memenuhi obligasi kami di bawah Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan; dan kami juga boleh (ii) melengahkan, menggantungkan, menengahkan, menolakkan, menamatkan, atau membatalkan (mengikut mana-mana yang berkenaan) sebarang permohonan untuk akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan, arahan Pelanggan, transaksi Pelanggan atau penyediaan semua atau sebahagian daripada mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan; dan kami mungkin (iii) perlu membuat penilaian kami sendiri berkenaan dengan status cukai anda.

9. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN

- 9.1 **Pendedahan maklumat pelanggan.** Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memproses, memindahkan dan mendedahkan (termasuk pemindahan dan pendedahan maklumat tersebut di luar Malaysia) semua atau sebarang maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan kelakuan dan hal ehwal Pelanggan yang berkaitan dengan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank (**Maklumat Pelanggan**):

- (a) kepada mana-mana orang yang pihak Bank anggap perlu termasuk dan tanpa mengehadkan kepada mana-mana ahli kumpulan syarikat Al Rajhi Bank, penyedia perkhidmatan, penyedia perkhidmatan yang telah disumberluarkan, juruaudit, pengendali Takaful dan penyelaras kerugian, penasihat undang-undang, penasihat profesional, perunding, rakan kongsi perniagaan strategik atau mana-mana pihak ketiga lain untuk tujuan yang berkaitan dengan penyediaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan, atau untuk tujuan yang berkaitan dengan pengurusan atau operasi pihak Bank (yang termasuk mana-mana perakaunan, penyumberanluar, pembangunan produk, pengurusan perhubungan pelanggan, pengurusan risiko, menguruskan perlindungan Takaful pihak Bank), atau untuk tujuan yang berkaitan dengan sebarang prosiding undang-undang yang difailkan terhadap pihak Bank atau difailkan oleh pihak Bank dan mendapatkan nasihat undang-undang yang berkaitan dengan penyediaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan, atau untuk tujuan yang berkaitan dengan Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan;
- (b) kepada mana-mana penerima pembayaran atau benefisiari, pengendali sistem pembayaran, penyedia infrastruktur pembayaran, bank penjelasan, bank perantara dan institusi kewangan berhubung dengan cek, pemindahan dana, pemprosesan penerimaan dan pembayaran, perkhidmatan ATM, kad debit dan instrumen pembayaran lain;
- (c) kepada semua pemegang-pemegang akaun bersama;
- (d) kepada semua pengarah, pengurusan kanan, pemegang saham, rakan kongsi, pemegang jawatan, pemegang amanah, penandatanganan yang diberi kuasa, pegawai yang diberi kuasa dan mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihak Pelanggan;
- (e) kepada pemegang amanah, pengurus kehakiman, penama, penerima dan pengurus, pelikuidasi, pemegang serahhak rasmi, penerima rasmi atau peranan serupa yang dilantik di bawah undang-undang yang terpakai atau perintah mahkamah yang berkaitan dengan kebangkrutan, pembubaran, penggugungan, mekanisme penyelamatan, berkenaan dengan Pelanggan;
- (f) kepada pentadbir/wasi/benefisiari Pelanggan yang telah meninggal dunia termasuk peguamcara yang dilantik bertindak untuk mereka dan mana-mana waris dekat Pelanggan yang telah meninggal dunia yang pihak Bank percaya dengan niat baik sebagai berhasrat untuk memohon perintah mahkamah berkenaan dengan akaun Pelanggan yang telah meninggal dunia;
- (g) kepada Bank Negara Malaysia atau mana-mana atau mana-mana biro atau agensinya yang ditubuhkan seperti sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (**CCRIS**);
- (h) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan, badan berkanun, Pihak Berkuasa kawal selia, bursa saham, depositori pusat, pusat penjelasan, agensi pelaporan kredit, agensi rujukan kredit, organisasi kawal selia sendiri, repositori dagangan, agensi perkadaran, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan mana-mana persatuan industri di mana pihak Bank merupakan ahli;
- (i) kepada mana-mana penerima serah hak berpotensi, penerima pindahan, penjamin dan/atau penyedia cagaran bagi pihak Pelanggan, bakal atau sebaliknya;
- (j) kepada mana-mana orang yang pihak Bank percaya dalam niat baik untuk menawarkan wang bayaran bagi pihak Pelanggan;
- (k) kepada mana-mana orang yang membantu pihak Bank dalam mendapatkan kembali sebarang wang yang perlu dibayar oleh Pelanggan;
- (l) kepada mana-mana orang yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia seperti Jadual 11 kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (m) kepada mana-mana orang untuk mematuhi sebarang perintah mahkamah atau permintaan daripada Pihak Berkuasa;
- (n) kepada mana-mana orang berhubung dengan proses usaha wajar bagi cadangan penjualan, penggabungan dan pemerolehan yang diluluskan oleh lembaga pengarah pihak Bank;

- (o) kepada orang sedemikian yang pihak Bank anggap perlu bagi tujuan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan sesuatu jenayah, sebenar atau yang disyaki;
 - (p) kepada orang sedemikian yang pihak Bank anggap perlu bagi tujuan memudahkan penukaran maklumat antara institusi-institusi kewangan berkaitan dengan penipuan, keldai akaun (*mule account*) dan penipuan kewangan;
 - (q) kepada orang sedemikian di bawah kewajipan kerahsiaan kepada pihak Bank; atau
 - (r) kepada parti-parti sedemikian yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi pihak Bank yang tersedia di <https://www.alrajhibank.com.my/>.
- 9.2 **Pemprosesan lanjut.** Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada penyedia perkhidmatan yang telah disumberluarkan dimana pihak Bank menyumber luar pelaksanaan fungsi operasinya dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang mempunyai akses kepada Maklumat Pelanggan, sama ada di dalam atau luar Malaysia, untuk menggunakan, menyimpan, memproses, memindahkan dan mendedahkan Maklumat Pelanggan dengan syarat pihak Bank menundukkan penyedia perkhidmatan tersebut kepada tanggungjawab kerahsiaan yang sewajarnya kepada pihak Bank.
- 9.3 **Pemindahan ke bidang kuasa luar.** Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pemindahan, penggunaan and penyimpanan Maklumat Pelanggan di bidang kuasa luar, undang-undang yang mungkin tidak menawarkan tahap perlindungan yang sama seperti undang-undang bidang kuasa dari mana Maklumat Pelanggan berasal.
- 9.4 **Persetujuan lengkap.** Pelanggan bersetuju bahawa persetujuannya untuk pendedahan Maklumat Pelanggan seperti yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat Am ini membentuk persetujuannya untuk sebarang pendedahan sedemikian untuk tujuan apa-apa keperluan, sama ada berkanun, berkontrak atau sebaliknya dan tiada kebenaran, pemberiankuasa atau persetujuan lanjut diperlukan berhubung dengan pendedahan tersebut. Pelanggan mengesahkan bahawa persetujuannya akan kekal berkuatkuasa sepenuhnya dan akan kekal selepas penamatan sebarang hubungan perbankan dengan pihak Bank.
- 9.5 **Privasi Data.** Berkenaan dengan maklumat peribadi Pelanggan (seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010), pihak Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memproseskan, memindahkan dan/atau mendedahkan maklumat tersebut mengikut Notis Perlindungan Data Peribadi yang tersedia di <https://www.alrajhibank.com.my/> seperti mana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- 9.6 **Anda membuat representasi bahawa anda telah mendapatkan kebenaran dari orang lain untuk memberikan maklumat.** Sekiranya anda telah mengumpulkan dan berkongsi dengan kami maklumat mengenai orang lain atas sebab atau bersampingan dengan penyediaan mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan oleh pihak Bank, anda membuat representasi bahawa anda telah memperoleh persetujuan dan kebenaran daripada orang tersebut dan telah mematuhi semua yang undang-undang dan peraturan yang terpakai, untuk membolehkan kami memproses, mendedahkan, menyimpan dan memindahkan maklumat tersebut. Anda mengakujaji untuk memberikan sesalinan Terma dan Syarat Am ini dan notis yang diperlukan kepada semua orang sedemikian sebelum memberikan maklumat mereka kepada pihak Bank.
- 10. MEMASTIKAN AKAUN ANDA SELAMAT**
- 10.1 **Keperluan akses mungkin berubah.** Kami mungkin dari semasa ke semasa menukar keperluan dan prosedur keselamatan saluran perbankan kami untuk mengakses akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda. Anda tidak akan dapat mengakses akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda jika anda tidak mematuhi keperluan dan prosedur keselamatan terkini.
- 10.2 **Tanggungjawab keselamatan.** Anda dikehendaki:
- (a) mengambil semua penjagaan dan langkah munasabah untuk mencegah kehilangan, akses tanpa kebenaran atau penggunaan penipuan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan;

- (b) menyimpan butiran keselamatan dan bukti pengenalan perbankan tentang akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda selamat dan sulit serta tidak mendedahkannya kepada mana-mana pihak ketiga;
- (c) tidak membenarkan mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan untuk mengendalikan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda untuk anda;
- (d) memantau baki akaun anda dan menyemak penyata-penyata anda dengan kerap untuk mengesan sebarang penyelewengan atau transaksi yang tidak dibenarkan; dan
- (e) memastikan diri anda sentiasa terkini dengan maklumat tentang kesedaran pengguna kewangan, penipuan kewangan dan makluman pengguna yang tersedia secara umum di laman web Bank Negara Malaysia.

10.3 Melapor dengan segera. Anda hendaklah segera memaklumkan pihak Bank apabila anda:

- (a) mengesyaki atau menyedari sebarang transaksi yang mencurigakan atau tidak dibenarkan atau penggunaan tanpa kebenaran berhubung dengan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan;
- (b) mengesyaki atau menyedari sebarang aktiviti penipuan atau menyalahi sisi undang-undang berhubung dengan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan;
- (c) mengesyaki atau menyedari bahawa butiran keselamatan, pengenalan perbankan, dokumen pengenalan, kad, kata laluan anda hilang, dicuri, dilanggar atau dikompromi.

10.4 Langkah-langkah dan tip keselamatan. Kami mungkin memberikan panduan tentang cara anda boleh memastikan akses kepada akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda selamat tetapi panduan tersebut tidak boleh dianggap sebagai menyeluruh bagi semua langkah berjaga-jaga yang munasabah yang anda perlu ambil.

10.5 Keselamatan saluran komunikasi. Kami akan menjalankan penjagaan dan ketekunan yang sewajarnya tetapi kami tidak dapat menjamin keselamatan maklumat yang dihantar oleh kami kepada anda melalui sebarang bentuk saluran komunikasi termasuk mel fizikal, e-mel, telefon atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) daripada akses atau pemintasan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang oleh mana-mana pihak ketiga atau akses oleh mana-mana bukan penerima alamat, yang kononnya mengaku sebagai penerima. Anda hendaklah berhati-hati dalam menangani e-mel, laman web, SMS, mesej WhatsApp, mel suara automatik, panggilan suara, makluman palsu yang kononnya daripada sumber yang sah, menyamar sebagai komunikasi tulen daripada pihak Bank, atau menyamar sebagai pihak Bank dan anda tidak boleh membalas dengan memberikan sebarang butiran keselamatan, pengenalan perbankan mengenai akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda.

10.6 Pemberitahuan atau makluman SMS. Kami mungkin menghantar pemberitahuan atau makluman SMS kepada nombor telefon mudah alih anda yang berdaftar dengan kami untuk memastikan anda dikemas kini tentang aktiviti akaun anda. Anda mesti memaklumkan kepada pihak Bank jika nombor telefon mudah alih anda berubah. Pihak Bank juga boleh menghantar pemberitahuan atau makluman kepada alamat e-mel berdaftar anda. Anda hendaklah segera memaklumkan kepada Bank sekiranya anda menerima makluman untuk sebarang transaksi yang mencurigakan atau tidak dibenarkan. Anda hendaklah berwaspada apabila melalui amaran ini dan elakkan daripada memanggil atau membalas kepada nombor telefon yang diberikan dalam amaran palsu atau mencurigakan atau mengklik mana-mana pautan yang dibenamkan dalam amaran palsu atau mencurigakan.

10.7 Bantuan dalam penyiasatan. Anda hendaklah memberikan bantuan dan kerjasama yang diperlukan oleh pihak Bank berhubung dengan sebarang penyiasatan bagi sebarang transaksi atau aktiviti yang tidak dibenarkan atau penipuan yang berkaitan dengan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda. Dalam sesetengah keadaan, pihak Bank mungkin memerlukan anda untuk membuat laporan polis dan memberikan laporan tersebut kepada kami dalam masa yang munasabah, meminta anda menghadiri cawangan kami untuk pertanyaan lanjut, menjalankan usaha wajar pelanggan, meminta maklumat dan dokumen-dokumen atau menjalankan semakan dengan pangkalan data luar atau Pihak Berkuasa. Akan

ada keadaan di mana pihak Bank tidak dapat memberikan alasannya untuk melaksanakan haknya disebabkan oleh sekatan undang-undang dan/atau peraturan.

- 10.8 **Terma-terma tambahan.** Terma dan Syarat Khusus dan Terma Perbankan Elektronik mengandungi terma-terma dan syarat-syarat tambahan mengenai penyusunan keselamatan yang mungkin terpakai kepada anda.

11. PENGGANTUNGAN AKAUN-AKAUN PRODUK-PRODUK ATAU PERKHIDMATAN

- 11.1. **Bank mungkin mengenakan sekatan.** Pihak Bank mungkin pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya, tanpa notis terlebih dahulu kepada anda, mengenakan penggantungan, had, sekatan atau syarat berkenaan dengan penggunaan mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan oleh anda. Ini termasuk penggantungan, pembatalan, kelenggahan atau penolakan oleh pihak Bank untuk melaksanakan arahan atau transaksi anda, menolak peruntukan semua atau sebahagian daripada mana-mana akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan, memegang dana dalam akaun anda, membekukan sebarang pengeluaran dan/atau deposit ke akaun dan dalam pembekuan mengambil tindakan seperti menghentikan instrumen pembayaran, memulangkan sebarang cek atau instrumen lain sama ada didepositkan untuk kutipan atau pembayaran. Pihak Bank hendaklah menggunakan budi bicaranya dalam Klausa ini dengan munasabah.
- 11.2. **Notis.** Pihak Bank mungkin akan menyediakan anda dengan maklumat atau notis sama ada sebelum atau selepas mengenakan penggantungan, pengekangan, pengekatan atau syarat melainkan pemberitahuan kepada anda akan menyalahi sisi undang-undang disebabkan oleh sekatan undang-undang dan/atau peraturan. Walau bagaimanapun, notis terlebih dahulu tidak diperlukan melainkan ia adalah keperluan undang-undang atau peraturan.
- 11.3. **Keadaan di mana pihak Bank boleh mengenakan pengekatan.** Kami boleh berbuat demikian apabila berlaku mana-mana, tetapi tidak terhad kepada, peristiwa berikut:
- (a) apabila kami telah diberitahu atau menyedari bahawa anda telah melakukan tindakan kebangkrutan dan/atau petisyen untuk penggulungan atau kebangkrutan telah dikemukakan terhadap anda atau mana-mana pengarah/rakan kongsi Pelanggan (untuk akaun-akaun korporat dan perkongsian) atau apabila pihak Bank disampaikan dengan mana-mana notis di bawah seksyen 466 Akta Syarikat 2016 yang dikemukakan terhadap Pelanggan;
 - (b) setelah pihak Bank diberitahu dan/atau diminta oleh sebarang Pihak Berkuasa termasuk dan tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana badan berkanun atau kerajaan lain untuk mengelak daripada membenarkan sebarang transaksi di bawah akaun (akaun-akaun) anda;
 - (c) apabila kami telah menjadi curiga terhadap sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang atau penipuan berkaitan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan;
 - (d) apabila kami mempunyai sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa anda mungkin telah menjadi mangsa sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang atau penipuan berkenaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda dan kami menganggap wajar untuk membekukan akaun demi kepentingan anda;
 - (e) sekiranya berlaku kematian, kegilaan atau punca ketidakupayaan seseorang individu di mana individu tersebut ialah pihak Pelanggan, atau di mana individu tersebut merupakan penandatanganan yang diberi kuasa oleh pihak Pelanggan untuk mengendalikan akaun-akaun bagi perkongsian dan/atau syarikat atau mana-mana entiti undang-undang sedemikian, pihak Bank boleh terus membekukan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan sehingga mandat baru atau penandatanganan baru yang diberi kuasa diberikan kepada pihak Bank;
 - (f) apabila kami anggap perlu untuk pematuhan kami terhadap Undang-undang Pencegahan Jenayah Kewangan, atau apabila diberi mandat menurut atau menurut kuasa, mana-mana undang-undang, arahan, perintah mahkamah, keperluan kawal selia daripada suatu Pihak Berkuasa;

- (g) suatu siasatan sedang dijalankan oleh Pihak Berkuasa terhadap anda atau berhubung dengan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan anda;
- (h) apabila pihak Bank disampaikan dengan perintah mahkamah atau prosiding yang garnisi;
- (i) apabila anda melanggar Terma dan Syarat Am ini atau Dokumen Tambahan;
- (j) apabila anda telah memberikan maklumat atau dokumentasi palsu, salah, tidak lengkap, palsu (*forged*), mengelirukan kepada pihak Bank, atau sebaliknya salah nyata kepada Bank;
- (k) apabila anda gagal memberikan (atau telah memberi tidak lengkap) maklumat atau dokumen yang diminta oleh pihak Bank;
- (l) apabila kami perlu melaksanakan hak atau budi bicara kami di bawah Klausula 5, Klausula 7, Klausula 8, Klausula 12, Klausula 13, Klausula 14 atau Klausula 19;
- (m) apabila kami menganggap bahawa akaun anda atau penggunaan produk atau perkhidmatan anda tidak dijalankan dengan memuaskan;
- (n) apabila pihak Bank mempunyai sebab untuk meragui kewibawaan atau ketulenan arahan Pelanggan;
- (o) apabila tandatangan yang dilampirkan pada arahan Pelanggan tidak sepadan dengan spesimen yang dibekalkan kepada pihak Bank;
- (p) apabila pihak Bank menerima arahan yang bercanggah daripada pemegang akaun bersama atau penandatangan yang diberi kuasa;
- (q) apabila pihak Bank dimaklumkan tentang sebarang pertikaian di kalangan pemegang akaun bersama atau penandatangan yang diberi kuasa berhubung dengan mana-mana akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan;
- (r) apabila pihak Bank dimaklumkan tentang bukti pemalsuan tandatangan pemegang akaun bersama atau penandatangan yang diberi kuasa;
- (s) apabila pihak Bank mempunyai sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa suatu penandatangan yang diberi kuasa menyalahgunakan mandat akaun;
- (t) apabila mana-mana pemegang akaun bersama atau penandatangan yang diberi kuasa mengarah pihak Bank untuk membeku atau membatalkan akaun mandat;
- (u) apabila pihak Bank menerima permintaan atau tuntutan yang bercanggah mengenai hakmilik, operasi atau mandate berhubung dengan suatu akaun, produk atau perkhidmatan;
- (v) apabila Pelanggan tidak, atau enggan, menerima mana-mana variasi, perubahan dan pindaan kepada Terma dan Syarat Am ini dan suatu Terma dan Syarat Khusus;
- (w) apabila membenarkan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan kekal tersedia boleh menyebabkan pihak Bank melanggar undang-undang atau peraturan yang terpakai;
- (x) apabila anda mempunyai kurang daripada jumlah baki minimum dalam akaun anda; atau
- (y) apabila penyediaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan menjadi mustahil atau tidak praktikal disebabkan perubahan kepada persekitaran perniagaan dan operasi kami.

11.4. Kami menentukan bila penggantungan berakhir. Pengenaan penggantungan, pengehadan, penyekatan atau syarat akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan akan ditarik balik apabila kami menganggap sebab penggantungan, pengehadan, penyekatan atau syarat tidak lagi wujud atau telah diremedi. Contoh (tanpa had) adalah seperti berikut:

- (a) berkenaan dengan perkara insolvensi, kami berpuas hati dengan bukti yang anda berikan bahawa (i) petisyen untuk penggulungan atau kebangkrutan telah ditarik balik secara sah atau ditolak atau dibatalkan oleh Mahkamah atau (ii) di mana sesiapa atau lebih ramai pengarah Pelanggan telah dihukum mufli, Bank diberi mandat mengenai

penukaran penandatanganan akaun dan berpuas hati bahawa mandat baru tersebut diberi kuasa sewajarnya oleh lembaga pengarah;

- (b) apabila penggantungan dimandatkan oleh, atau dikehendaki menurut mana-mana, undang-undang atau oleh suatu Pihak Berkuasa, apabila pihak Bank disampaikan dengan perintah mahkamah yang sesuai atau mana-mana arahan suatu Pihak Berkuasa yang memerlukan penggantungan membenarkan penarikan balik penggantungan akaun (akaun-akaun) tersebut;
- (c) berkenaan dengan kematian suatu pemegang akaun tunggal, apabila penyampaian kepada pihak Bank probet atau surat pentadbiran oleh wakil peribadi si mati atau mana-mana borang lain yang berkaitan daripada Pejabat Tanah dan/atau mana-mana badan lain yang diluluskan di bawah undang-undang berkenaan yang berkuatkuasa pada masa itu; atau mandat baru dengan penandatanganan baru yang diberikuasa untuk mengendalikan perkongsian dan/atau akaun syarikat atau entiti tersebut diberikan kepada pihak Bank;
- (d) berkenaan dengan pertikaian antara pemegang akaun bersama atau penandatanganan yang diberikuasa, kami berpuas hati dengan bukti bahawa pertikaian tersebut telah diselesaikan;
- (e) berkenaan dengan pelanggaran Terma dan Syarat Am ini atau Dokumen Tambahan, pelanggaran tersebut telah diremedi;
- (f) berkenaan dengan pemalsuan atau pengeliruan atau kegagalan untuk memberi maklumat, anda telah memberikan maklumat yang diminta kepada pihak Bank;
- (g) berkenaan dengan mana-mana Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan, kami berpendapat bahawa penggantungan, pengehadan, penyekatan atau syarat tidak lagi diperlukan.

11.5. Pihak Bank tidak bertanggungjawab atas akibat penggantungan. Apabila kami menggunakan budi bicara kami menurut Klausula ini, anda bersetuju bahawa kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah, kemungkiran kontrak atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos, perbelanjaan atau caj apa pun dan anda mengakujaji untuk memastikan pihak Bank ditanggung rugi sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan bagi ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (sah atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguam cara dan pelanggan dan kos pihak kepada pihak) yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh anda atau mana-mana orang lain atas sebab penggantungan, pengehadan, penyekatan atau penerapan syarat tersebut.

11.6. Pihak Bank tidak bertanggungjawab kerana tidak melaksanakan budi bicara. Anda bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos apa pun yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank kerana pihak Bank tidak melaksanakan atau terdapat kelengahan dalam melaksanakan budi bicara kami apabila menyedari peristiwa berkaitan yang disebut dalam Klausula ini. Anda hendaklah memastikan pihak Bank ditanggung rugi sepenuhnya terhadap tuntutan bagi ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (sah atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguam cara dan pelanggan dan kos pihak kepada pihak) yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh anda atau mana-mana orang lain berkenaan akaun-akaun anda atau penggunaan produk atau perkhidmatan oleh anda.

11.7. Pematuhan dengan perintah mahkamah atau arahan-arahan. Sekiranya kami disampaikan dengan suatu perintah mahkamah atau arahan dibawah mana-mana undang-undang atau sebaliknya dikeluarkan oleh mana-mana pengawal selia atau Pihak Berkuasa, anda dengan ini memberi kuasa kepada kami untuk bertindak menurut perintah mahkamah dan/atau arahan tersebut tanpa sebarang rujukan atau notis lanjut kepada anda.

12. PENUTUPAN AKAUN

12.1. Anda boleh menutup akaun anda. Anda boleh menutup atau menamatkan akaun, produk atau perkhidmatan anda dan menamatkan Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan pada bila-bila masa. Anda haruslah mematuhi keperluan dan prosedur kami mengenai

penutupan akaun. Pihak Bank tidak perlu bertindak atas arahan untuk menutup akaun sekiranya akaun tersebut tertakluk kepada bebanan, perintah mahkamah, arahan daripada Pihak Berkuasa, siasatan berterusan, pertikaian berterusan / tuntutan bercanggah di kalangan pemegang akaun bersama atau penandatanganan yang diberi kuasa atau jika pihak Bank mempunyai sebab untuk meragui ketulenan arahan anda.

- 12.2. **Pihak Bank boleh menutup akaun anda.** Pihak Bank mempunyai budi bicara untuk menutup dan menghentikan peruntukan mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan atas apa-apa sebab termasuk yang dinyatakan dalam Klausa 11.3, Klausa 13.3 dan Klausa 15.3 dengan memberi anda notis 14 hari kalendar kepada alamat anda atau alamat e-mel yang disenggara dalam rekod pihak Bank.
- 12.3. **Sebab untuk penutupan akaun.** Dalam penutupan atau penamatan sebarang akaun, produk atau perkhidmatan, pihak Bank mungkin, tapi tidak diwajibkan untuk, mendedahkan sebab penutupan atau penamatan melainkan pendedahan tersebut diperlukan oleh undang-undang atau keperluan kawal selia. Akan ada keadaan di mana pihak Bank tidak dapat memberikan sebab disebabkan oleh sekatan undang-undang dan/atau peraturan.
- 12.4. **Pembayaran semasa penamatan.** Pihak Bank boleh melepaskan keseluruhan liabiliti kepada pihak Pelanggan dengan membayar Pelanggan baki kredit dalam akaun melalui cek atau draf bank atau sebarang kaedah pembayaran lain seperti yang diarahkan oleh Pelanggan selepas menolak sebarang jumlah yang perlu dibayar dan terhutang kepada pihak Bank.
- 12.5. **Kesan penamatan.** Penamatan mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan, Terma dan Syara Am ini atau suatu Dokumen Tambahan (mengikut mana-mana yang berkenaan) tidak akan menjejaskan hak tertunggak anda atau liabiliti sebenar, masa depan atau luar jangka. Terma dan Syarat Am ini atau Dokumen Tambahan yang berkaitan (mengikut mana-mana yang berkenaan) akan terpakai kepada liabiliti-liabiliti tersebut sehingga semua transaksi telah ditutup, diselesaikan atau penghantaran telah dilaksanakan dan semua liabiliti akhirnya dilupuskan. Anda bersetuju bahawa anda akan terus bertanggungjawab ke atas semua kewajipan yang berkaitan dengan akaun anda walaupun selepas ia ditutup. Sebagai contoh, jika anda berhutang kepada kami apa-apa amaun di bawah Terma dan Syarat Am ini, anda akan tetap bertanggungjawab untuk membayar kami walaupun akaun anda telah ditutup.

13. AKAUN-AKAUN DORMAN DAN WANG YANG TIDAK DITUNTUT

- 13.1 **Akaun dormant.** Sekiranya akaun anda tidak mempunyai transaksi (kecuali yang dimulakan oleh pihak Bank) untuk tempoh berterusan selama 1 tahun atau tempoh yang lebih singkat seperti yang ditentukan oleh pihak Bank, pihak Bank boleh mengklasifikasikan akaun anda sebagai akaun dormant.
- 13.2 **Pengaktifan akaun dormant.** Tiada transaksi (kecuali yang dimulakan oleh pihak Bank) akan dibenarkan dalam akaun dormant kecuali dan sehingga akaun tersebut diaktifkan dengan melaksanakan suatu transaksi secara peribadi di mana-mana cawangan atau anda melengkapkan pengesahan lain seperti yang ditentukan oleh pihak Bank.
- 13.3 **Yuran ke atas akaun dormant.** Kami boleh mengenakan caj atau yuran ke atas akaun dormant sehingga baki kredit yang tertinggal dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965. Kami juga boleh menutup akaun dormant tersebut tanpa memberikan notis terdahulu kepada anda.
- 13.4 **Wang tak dituntut.** Sebarang baki kredit dalam suatu akaun yang tidak beroperasi selama tempoh 7 tahun akan diremitkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965, dan seterusnya akan tersebut akan ditutup. Pihak Pelanggan akan dikehendaki memohon terus kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut untuk sebarang pemulangan wang yang tidak dituntut.

14. MENOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

- 14.1 **Penggabungan, penyatuan, pencantuman akaun-akaun.** Tertakluk kepada pematuhan *Shariah*, pihak Bank boleh, sekiranya notis terlebih dahulu diperlukan oleh undang-undang dengan tujuh (7) hari kalendar atau sekiranya notis terlebih dahulu tidak diperlukan oleh undang-undang, menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun Pelanggan (termasuk akaun bersama).
- 14.2 **Pihak Bank mungkin menolak selesai.** Kami boleh menggunakan dan menolak selesai sebarang jumlah dalam kedudukan kredit dalam sebarang akaun atau terhadap pembayaran, penyelesaian dan pelepasan mana-mana keberhutangan atau mana-mana sama ada sebenar, kontingen, masa kini atau masa hadapan, yang ditanggung perseorangan atau bersesama, tanpa mengira baki kredit dan keberhutangan mungkin tidak dinyatakan dalam matawang yang sama. Sementara penolakan, kami mempunyai hak untuk menahan dan menggantung pembayaran sebarang wang daripada baki kredit akaun anda. Sekiranya keberhutangan dinyatakan dalam matawang yang berbeza daripada matawang akaun, kami akan melaksanakan penukaran matawang pada kadar penukaran semasa kami. Sekiranya keberhutangan bersifat kontingen, pihak Bank boleh memegang jumlah baki kredit sedemikian, setakat yang perlu untuk menampung liabiliti kontingen tersebut.
- 14.3 **Anda akan menanggung kos dan perbelanjaan kami.** Tertakluk kepada sebarang had yang dikenakan oleh suatu Pihak Berkuasa, anda bersetuju untuk menanggung semua kos dan perbelanjaan yang diperlukan (termasuk kos dan perbelanjaan atas dasar peguamcara dan anak guam) yang ditanggung oleh pihak Bank dalam menyempunakan dan menguatkuasakan hak-haknya di bawah Terma dan Syarat Am ini dan akan membayar kos dan perbelanjaan tersebut seperti yang diminta oleh pihak Bank. Anda memberi kuasa kepada kami untuk memotong daripada baki kredit dalam akaun (akaun-akaun) anda terhadap pembayaran kos dan perbelanjaan tersebut.
- 14.4 **Peruntukan pembayaran.** Anda bersetuju untuk mengetepikan hak anda untuk memperuntukan pembayaran di bawah seksyen 60 Akta Kontrak 1950.
- 14.5 **Hak tidak terpengaruh dengan kematian anda.** Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, hak dan pemberiankuasa kami di bawah Klausula ini tidak akan terjejas dengan kematian, kebangkrutan, insolvensi, komposisi dengan pemiutang-pemiutang lain atau sebarang prosiding undang-undang terhadap Pelanggan.

15. PENGGUNAAN AKAUN, PRODUK DAN PERKHIDMATAN

- 15.1 **Tiada buku simpanan.** Tiada buku simpanan akan dikeluarkan berkenaan dengan akaun anda.
- 15.2 **Buku cek.** Anda hanya boleh memohon untuk buku-buku cek berkenaan dengan ringgit akaun semasa dengan menggunakan borang dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- 15.3 **Jumlah baki minimum.** Sekiranya keperluan sebarang baki minimum terpakai pada suatu akaun, jumlah baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun anda akan didedahkan dalam laman web kami. Kami mungkin akan menutup akaun anda sekiranya baki akaun anda adalah kurang daripada jumlah baki minimum. Pihak Bank mungkin, dari semasa ke semasa, mengubah jumlah baki minimum.
- 15.4 **Akaun Luar.** Sekiranya anda adalah individu bukan pemastautin di bawah Dasar Pertukaran Asing (**DAP**), akaun anda adalah sesuatu akaun luar. Anda hanya boleh mengoperasikan akaun luar anda berdasarkan DAP semasa yang terpakai: terdapat had dan tujuan atas jumlah yang dibayar atau dikeluarkan daripada akaun luar anda. Anda bersetuju bahawa kami mungkin tidak akan melaksanakan sebarang pemindahan ke dalam atau luar daripada akaun luar anda sekiranya kami mempercayai bahawa transaksi tersebut tidak mematuhi DAP atau sebarang undang-undang, peraturan atau dasar yang kami tertakluk kepada.
- 15.5 **Surat kuasa wakil.** Sekiranya anda memberi kuasa kepada orang lain untuk menggunakan, mengoperasikan atau mengakses akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan melalui

sesuatu surat kuasa wakil, kami boleh melaksanakan budi bicara kami untuk membenarkan atau tidak membenarkan penerima kuasa wakil untuk mengoperasi akaun anda. Sekiranya kami membenarkan penerima kuasa wakil anda untuk mengoperasi akaun anda, kami mungkin berbuat demikian mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang kami rasa sesuai termasuk anda memberikan kami bukti yang memuaskan tentang kesahihan surat kuasa wakil dan kami akan dapat bergantung kepada surat kuasa wakil sehingga kami dimaklumkan dan mempunyai peluang yang mencukupi untuk bertindak atas sebarang notifikasi bahawa surat kuasa wakil tersebut telah dibatalkan. Apabila kami melaksanakan budi bicara kami untuk bertindak mengikut surat kuasa wakil tersebut, anda bersetuju bahawa kami tidak akan dipertanggungjawab untuk sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos apa jua pun dan anda akan memastikan pihak Bank ditanggung rugi bagi mana-mana tuntutan untuk ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (sah atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan pelanggan dan kos pihak kepada pihak) yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh anda atau mana-mana orang lain.

15.6 Arahan

- (a) Anda memberi kuasa kepada kami untuk bertindak atas sebarang arahan anda, berhubung dengan mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan yang tersedia oleh pihak Bank, yang dibuat dalam kaedah, cara dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh atau boleh diterima oleh pihak Bank.
- (b) Anda memberi kuasa dan meminta kami untuk melunaskan dan mematuhi dengan semua cek, draf, perintah untuk bayar, bil pertukaran dan nota janji yang dinyatakan untuk ditunaikan, ditandatangani, diterima, diendors atau dibuat bagi pihak anda yang dikeluarkan atau dialamatkan kepada atau perlu dibayar oleh kami.
- (c) Anda memberi kuasa kepada kami untuk melaksanakan arahan terkini anda walaupun:
 - (i) arahan tersebut bercanggah atau tidak konsisten dengan sebarang arahan-arahan atau mandat-mandat lain yang sebelum ini diberikan oleh anda kepada pihak Bank; dan/atau
 - (ii) akaun (-akaun) yang pada masa ini dalam kredit atau terlebih keluar, boleh menjadi atau kekal terlebih keluar akibatnya (tetapi kami mengekalkan budi bicara sama ada untuk menerima arahan anda).

Dalam mana-mana kes sedemikian, anda akan bertanggungjawab untuk sebarang pendahuluan atau kemudahan pembiayaan yang terhasil daripada kami melaksanakan arahan anda tertakluk kepada keuntungan pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank.

- (d) Semua arahan anda akan kekal berkuatkuasa untuk melindungi pihak Bank bagi pembayaran yang dibuat atau arahan yang dilaksanakan dengan niat baik walaupun berlaku kematian, kebangkrutan atau penggulangan atau pembatalan mana-mana arahan sedemikian melalui sebarang cara oleh pihak Pelanggan, sehingga notis bertulis dengan dokumen yang membuktikan kematian, kebangkrutan, penggulangan atau pembatalan tersebut diterima oleh pihak Bank dan pihak Bank diberi peluang yang mencukupi untuk bertindak atas notifikasi tersebut.
- (e) Anda dikehendaki memastikan bahawa arahan anda adalah lengkap, jelas dan memberi kuasa dengan sewajarnya dan dibuat berdasarkan mandat akaun yang diberikan kepada pihak Bank.
- (f) Kami mungkin menghendaki arahan anda disahkan mengikut cara yang mungkin kami nyatakan dari semasa ke semasa dan kami mungkin mengikut budi bicara kami dan tanpa notis enggan bertindak atas mana-mana arahan sedemikian sehingga kami menerima pengesahan sedemikian yang memuaskan hati kepada kami.
- (g) Pihak Bank juga mungkin enggan bertindak atas arahan anda untuk sebarang keadaan yang dinyatakan di Klausula 11.3.
- (h) Terma-terma dan syarat-syarat yang khusus terpakai kepada arahan anda yang diberikan kepada kami melalui perbankan internet, perbankan mudah alih, kemudahan automatik yang disediakan oleh Bank atau kad ATM/debit.

- (i) Sekiranya anda dibenarkan (mengikut budi bicara mutlak pihak Bank) untuk memberikan arahan kepada kami:
 - (i) secara lisan melalui telefon atau telefon bimbit; atau
 - (ii) secara bertulis melalui kurier, perkhidmatan pos, faksimili, emel atau cara elektronik lain,

dan telah meminta arahan diberikan dalam cara sedemikian, anda bersetuju bahawa pihak Bank diberi kuasa untuk bertindak atas arahan tersebut yang kami percayai dengan niat baik dibuat oleh anda. Kami boleh, tetapi tidak diwajibkan, melakukan pemeriksaan lanjut untuk mengesahkan ketulenan arahan. Anda menanggung risiko arahan yang diberikan dengan cara ini termasuk risiko arahan sedemikian diberikan oleh orang yang tidak dibenarkan dan/atau sebarang kesilapan, kehilangan atau kelengahan akibat daripada penggunaan peranti telekomunikasi, rangkaian atau cara elektronik. Anda mengakujaji untuk memastikan pihak Bank ditanggung rugi sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi, kerugian, caj, perbelanjaan dan kos yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh sebab kami bertindak atas arahan kecuai dan melainkan di mana kerugian atau ganti rugi disebabkan oleh kecuai melampau, keingkaran sengaja atau penipuan pada pihak Bank.

- 15.7 **Pemegang amanah.** Sekiranya anda menggunakan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami dalam kapasiti anda sebagai pemegang amanah, anda akan mengoperasi akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan untuk kebaikan benefisiari dan berdasarkan amanah atau instrumen yang membolehkan (jika ada). Pihak Bank tidak dan (anda dikehendaki memberitahu benefisiari anda bahawa pihak Bank tidak) diwajibkan untuk memantau aktiviti akaun anda dan memastikan bahawa anda mematuhi kewajipan anda yang terhutang kepada benefisiari. Anda hendaklah menanggung rugi dan memastikan pihak Bank ditanggung rugi terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (sah atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguam cara dan pelanggan dan kos pihak kepada pihak) yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh benefisiari anda atau mana-mana orang lain akibat anda memungkir kewajipan anda kepada benefisiari.

16. DEPOSIT DAN PENGHANTARAN WANG MASUK (*INWARD REMITTANCES*)

- 16.1 **Membuat pembayaran dalam akaun anda.** Deposit-deposit atau pembayaran-pembayaran boleh dibuat ke dalam akaun anda di kaunter, melalui kaedah elektronik, melalui cek atau surat cara boleh niaga, atau di ATM. Semua deposit mesti dibuat dalam kaedah, cara, matawang dan syarat yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.

16.2 **Deposit tunai dan cek**

- (a) Semua cek dan sebarang surat cara boleh niaga lain dan tunai yang didepositkan tidak boleh dikeluarkan sehingga hasil telah diterima oleh pihak Bank dan didepositkan ke dalam akaun. Jumlah yang didepositkan paparan video kemudahan-kemudahan automatik atau slip nasihat tidak akan dianggap sebagai nilai yang diterima sehingga jumlah yang didepositkan telah dimasukkan ke dalam rekod pihak Bank. Anda hanya boleh menggunakan hasil tersebut selepas pihak Bank telah menerima dana tersebut.
- (b) Semua cek dan sebarang surat cara boleh niaga diterima untuk kutipan mengikut budi bicara pihak Bank. Cek yang didepositkan akan diproses selaras dengan waktu-waktu batas (*cut-off times*) pihak Bank seperti yang ditetapkan oleh Bank. Sekiranya anda mendepositkan cek melalui mesin deposit cek, suatu resit atau slip nasihat yang dikeluarkan oleh mesin deposit cek hanyalah merupakan pengakuan bahawa kami telah menerima cek tersebut dan bukan pengesahan bahawa cek itu telah dikutip. Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang kelengahan, ketidak-bayaran atau kerugian yang ditanggung berkaitan dengan cek tersebut.

- (c) Kami mempunyai hak-hak berikut:
- (i) menolak kutipan cek dan surat cara boleh niaga lain yang pada pendapat kami adalah tidak teratur atau menanggung sebarang bentuk perubahan atau percanggahan.
 - (ii) untuk menolak dari akaun anda nilai penuh mana-mana nota yang didepositkan yang kemudiannya disahkan sebagai palsu.
 - (iii) untuk menolak dari akaun anda nilai penuh mana-mana cek yang dikreditkan dalam akaun anda sekiranya cek tersebut tidak dilunaskan.
 - (iv) untuk membatalkan pembayaran mana-mana wang yang tidak dimaksudkan untuk akaun tersebut.
 - (v) untuk meminda nasihat, slip-bayaran-masuk kerana kesilapan, penambahan yang salah, peninggalan item, atau pengutipan cek pembayaran pihak ketiga yang salah.
 - (vi) untuk menghentikan apa-apa penghantaran wang masuk (*inward*) yang memihak kepada anda jika maklumat mengenai penghantar yang diterima oleh pihak Bank adalah tidak lengkap atau jika pemula tidak memberikan pihak Bank tujuan pengiriman wang dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk mana-mana kelengahan atau penolakan penghantaran wang masuk (*inward*).
 - (vii) untuk hanya mengkreditkan dana ke dalam akaun anda apabila menerima dana tersebut daripada bank koresponden, penjelasan atau perantara.
 - (viii) untuk meminta maklumat/ dokumen sokongan berkaitan mengenai suatu deposit ke dalam akaun anda.
 - (ix) untuk menolak suatu deposit ke dalam akaun anda, walaupun anda memberikan kami dengan maklumat yang diminta.
- (d) Anda bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, kesilapan, kecuaiian atau kelengahan oleh bank koresponden, penjelasan atau perantara yang mungkin berlaku dalam pemindahan atau penghantaran kiriman masuk (*inward*) ke dalam akaun anda kecuali disebabkan oleh kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan pada pihak Bank. Anda hendaklah menanggung rugi dan memastikan pihak Bank ditanggung rugi terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (sah atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguam cara dan pelanggan dan kos pihak kepada pihak) yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh anda atau mana-mana orang lain.

16.3 Kutipan cek matawang asing

- (a) Peruntukan-peruntukan berikut terpakai kepada cek matawang asing termasuk Klausula 16.2.
- (b) Pihak Bank akan tertakluk kepada undang-undang asing apabila mengutip cek-cek matawang asing bagi pihak anda daripada bank pembayar di luar Malaysia.
- (c) Pihak Bank mungkin akan menerima cek-cek matawang asing untuk kutipan tertakluk kepada polisi dan prosedur pihak Bank, bank koresponden dan bank pengeluar.
- (d) Kami mungkin akan menolak untuk menerima sebarang cek matawang asing untuk kutipan tanpa memberikan sebarang sebab dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin anda alami akibat keengganan kami.
- (e) Hasil (selepas pelarasan untuk kadar pertukaran, cukai, yuran dan caj) hanya akan dikreditkan ke dalam akaun anda selepas kami menerima bayaran daripada bank koresponden dan/atau bank pengeluar.
- (f) Sekiranya kami menerima suatu cek matawang asing, undang-undang asing mungkin membenarkan bank pembayar untuk menuntut pembayaran balik daripada pihak Bank dalam masa 6 tahun selepas cek ditunaikan. Anda bersetuju bahawa:

- (i) anda akan membayar kepada kami jumlah yang perlu dibayar balik oleh kami, dan kami mungkin mendebit akaun anda untuk bayaran balik;
- (ii) kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang dialami oleh anda; dan
- (iii) anda akan membayar balik sepenuhnya kepada pihak Bank untuk semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung semasa menyediakan perkhidmatan termasuk yang timbul daripada penggunaan dan perhubungan oleh pihak Bank dengan pengantara dan pihak ketiga sebagai ejen Pelanggan.

16.4 Deposit di kaunter. Pada kaunter:

- (a) anda mesti menunjukkan bukti identiti seperti yang kami perlukan di kaunter; kami mungkin menolak untuk memberikan sebarang perkhidmatan kepada anda jika kami tidak berpuas hati bahawa anda adalah seperti yang anda katakan;
- (b) setiap deposit hendaklah disertakan dengan borang yang disediakan bagi tujuan tersebut;
- (c) suatu resit yang dikeluarkan oleh kami adalah sah sekiranya ia disahkan oleh mesin atau diakui oleh seorang pegawai Bank yang diberi kuasa. Anda mesti menyemak resit terhadap transaksi anda sebelum meninggalkan premis Bank. Sebarang percanggahan mesti dilaporkan dengan segera kepada kami, jika gagal, tiada liabiliti (yang tidak dikaitkan dengan kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan pada pihak kami) akan dikenakan terhadap kami; dan
- (d) kami mungkin mengenakan bayaran untuk perkhidmatan kaunter jika anda menggunakannya melebihi nombor yang diberikan secara percuma.

16.5 Penukaran matawang. Sebarang jumlah dalam matawang asing yang dihantar atau didepositkan ke dalam akaun ringgit anda akan ditukar pada kadar semasa pihak Bank, tertakluk kepada mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai.

17. PENGELUARAN DAN PENGHANTARAN WANG KE LUAR (OUTWARD REMITTANCES)

17.1 Pengeluaran. Pengeluaran atau pemindahan wang dari akaun anda mesti dibuat dalam kaedah, cara, matawang dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa. Pengeluaran wang boleh dibuat pada kaunter cawangan kami atau dari ATM atau mana-mana kaedah yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Suatu caj terpakai untuk pengeluaran dari ATM bank-bank lain. Pengeluaran atau pemindahan wang adalah tertakluk kepada mana-mana had harian yang ditetapkan oleh pihak Bank atau anda bagi kaedah pengeluaran yang berbeza.

17.2 Baki mencukupi. Anda dikehendaki memastikan terdapat dana jelas dan mencukupi dalam akaun untuk melaksanakan sebarang pengeluaran atau pemindahan dana. Sekiranya jumlah baki minimum terpakai kepada akaun anda, anda mesti mengekalkan jumlah baki minimum dalam akaun pada setiap masa. Kami boleh, tetapi tidak perlu, bertindak atas sebarang arahan jika dengan berbuat demikian, baki akaun akan jatuh di bawah jumlah baki minimum. Sekiranya akaun tersebut berada pada atau di bawah jumlah baki minimum pada masa arahan, kami boleh menggunakan budi bicara kami untuk tidak bertindak atas arahan anda.

17.3 Anda menanggung caj yang akan didebitkan ke akaun. Caj dikenakan seperti yang dinyatakan dalam Yuran dan Caj Bank di www.alrajhibank.com.my untuk arahan tertentu yang berkaitan dengan pengeluaran, pemindahan dana dan penolakan transaksi kerana dana tidak mencukupi. Anda memberi kuasa kepada kami untuk mendebit akaun anda dengan yuran dan caj yang berkenaan.

17.4 Pengeluaran di kaunter dan pemindahan dana. Anda dikehendaki menunjukkan bukti identiti seperti yang kami perlukan di kaunter. Kami mungkin menolak untuk memberikan sebarang perkhidmatan kepada anda jika kami tidak berpuas hati bahawa anda adalah seperti yang anda katakan. Setiap pengeluaran atau pemindahan dana hendaklah disertakan dengan borang yang disediakan untuk tujuan tersebut. Apabila melaksanakan pengeluaran atau pemindahan

dana di kaunter, anda mesti memeriksa butiran transaksi anda sebelum meninggalkan premis Bank. Sebarang percanggahan mesti dilaporkan dengan segera kepada kami, jika gagal, tiada liabiliti (yang tidak dikaitkan dengan kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan pada pihak kami) akan dikenakan terhadap kami. Kami mungkin mengenakan bayaran untuk perkhidmatan kaunter jika anda menggunakannya melebihi nombor yang diberikan secara percuma.

17.5 Arahan-arahan tetap

- (a) Sekiranya dibenarkan untuk akaun, anda boleh memberikan kami secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang disediakan oleh pihak Bank arahan tetap atau berkala dan sebarang perubahan atau pindaan kepada arahan-arahan terdahulu, dengan butiran pembayaran yang memuaskan kepada pihak Bank. Tertakluk kepada hak kami untuk peruntukan pembayaran di Klausula 17.11 di bawah, arahan-arahan atau pindaan-pindaan kepada arahan-arahan terdahulu akan berkuatkuasa selepas kami mempunyai peluang yang mencukupi untuk bertindak atas arahan-arahan atau pindaan-pindaan tersebut.
- (b) Sekiranya anda memberi kuasa kepada suatu pihak ketiga untuk melaksanakan pembayaran atau mendebit wang dari akaun anda melalui arahan tetap, pihak Bank berhak untuk bertindak mengikut arahan tersebut tanpa merujuk lebih lanjut kepada anda.
- (c) Tiada pembayaran lanjut akan dibuat di bawah arahan-arahan tetap (yang akan dianggap sebagai terbatal) pada bila-bila masa:
 - (i) mengikut budi bicara pihak Bank dengan notis bertulis kepada anda;
 - (ii) mengikut permintaan bertulis anda kepada kami; atau
 - (iii) setelah menerima pengesahan bertulis dari penerima bayaran yang dinamakan di dalam arahan-arahan bayaran tetap atau berkala bahawa tiada bayaran selanjutnya diperlukan.
- (d) Suatu bayaran di bawah arahan-arahan bayaran tetap atau berkala akan dilaksanakan dengan syarat bahawa terdapat dana yang mencukupi di dalam akaun di mana selepas pemindahan tersebut, baki dalam akaun anda tidak akan kurang daripada jumlah baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun tersebut, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk segala bayaran yang tidak dibuat kerana dana tidak mencukupi.
- (e) Sekiranya arahan-arahan bayaran tetap atau berkala diberikan untuk satu pembayaran terhad, kami tidak mempunyai tanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan jumlah-jumlah yang dikenakan oleh penerima bayaran, dan apa-apa pertikaian ke atas jumlah-jumlah hendaklah diselesaikan oleh anda secara terus dengan penerima bayaran.

17.6 **Masa penghantaran wang.** Semua permohonan untuk pengiriman wang keluar (contohnya pemindahan telegrafik, RENTAS, Interbank GIRO) adalah tertakluk kepada waktu-waktu batas (*cut-off times*) harian Bank. Permohonan untuk nilai hari yang sama juga tertakluk kepada waktu batas berdasarkan lokasi geografi penerima. Permohonan untuk pengiriman wang ke luar yang diterima selepas waktu-waktu batas (*cut-off times*) yang berkaitan hanya akan diproses pada hari perbankan berikutnya. Bagi pengiriman wang yang bergantung kepada institusi-institusi lain, pihak Bank akan memproses permohonan mengikut waktu-waktu batas (*cut-off times*) harian pihak Bank dan menghantar yang sama kepada institusi yang lain untuk pemrosesannya dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk sebarang kelengahan dan/atau kesilapan dalam pemprosesan di pihak institusi lain.

17.7 **Pemindahan telegrafik.** Anda bersetuju bahawa:

- (a) sesuatu pemindahan telegrafik atau draf permintaan akan dilaksanakan oleh pihak Bank dalam matawang yang sama seperti yang anda bayar kepada pihak Bank, melainkan anda secara khususnya memberikan kami arahan bertulis yang berlainan.
- (b) melainkan kadar pertukaran telah disahkan dengan peniaga Bank untuk transaksi tersebut, jika kami tidak berupaya untuk memberikan satu penyata-harga yang kukuh

untuk kadar pertukaran, kami akan melaksanakan penghantaran wang berdasarkan satu kadar sementara dan apabila kadar sebenar diketahui, mana-mana perbezaan di antara kadar sementara dan kadar sebenar hendaklah didebitkan atau dikreditkan ke dalam akaun anda;

- (c) kami merizabkan hak untuk mengeluarkan wang untuk pemindahan telegrafik atau draf permintaan dari cawangan atau lokasi yang lain selain daripada yang dinyatakan secara khusus oleh anda sekiranya keadaan operasi pihak Bank memperuntukannya; dan
- (d) anda dikehendaki memastikan bahawa butiran bank penerima dan benefisiari adalah tepat dan lengkap dalam borang permohonan. Pembayaran atau penghantaran wang yang diminta ditolak sebarang caj yang berkenaan, akan dikreditkan ke akaun benefisiari berdasarkan nombor akaun semata-mata yang diberikan oleh anda.

17.8 **Penggunaan sistem pemindahan wang pihak ketiga**

- (a) Sekiranya arahan pembayaran atau penghantaran wang anda perlu dilaksanakan melalui sesuatu sistem pembayaran atau penjelasan yang dioperasikan oleh pihak ketiga, anda bersetuju bahawa kami boleh menggunakan mana-mana koresponden, ejen, sub-ejen, agensi, institusi kewangan lain atau pengendali sistem bayaran (setiap satu **Pengantara**) untuk membuat sedemikian.
- (b) Di mana sesuatu Pengantara dilibatkan, anda bersetuju bahawa:
 - (i) pihak Bank atau Pengantara yang berkenaan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan, kelengahan, kesilapan, peninggalan, gangguan, kesalahan penafsiran atau sebarang hasil yang lain akibat daripada arahan pembayaran atau penghantaran wang dihantar atau diterima melalui mana-mana saluran komunikasi yang tidak disebabkan oleh pihak Bank atau Pengantara yang berkenaan.
 - (ii) penyediaan perkhidmatan kami adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pihak Pengantara.
 - (iii) pihak Bank tidak mengawal atau mengoperasi Pengantara atau sistemnya. Pihak Bank tidak akan mempunyai sebarang liabiliti kepada anda untuk sebarang kegagalan pada pihak Pengantara, sistem bayarannya atau mana-mana peserta sistem bayaran Pengantara.

17.9 **Melaksanakan arahan-arahan pembayaran keluar/penghantaran wang**

- (a) Walaupun anda mungkin mengarahkan kami secara khususnya tentang kaedah pembayaran, anda bersetuju bahawa kami boleh melaksanakan arahan pembayaran atau pengiriman wang anda melalui mana-mana kaedah yang kami fikir sesuai: ini mungkin disebabkan oleh aspek operasi, caj atau masa.
- (b) Setelah anda memberikan sesuatu arahan pembayaran atau pengiriman wang kepada kami, anda boleh meminta untuk membatalkan arahan tersebut secara bertulis tetapi kami mempunyai budi bicara sama ada untuk membatalkannya atau tidak. Sekiranya kami membenarkan pembatalan tersebut, anda mesti membayar kepada kami semua caj dan kerugian ke atas pertukaran wang asing akibat pembatalan di mana anda memberi kuasa kepada kami untuk mendebitkan akaun anda. Kami tidak akan dapat membatalkan atau membalikkan sebarang transaksi sebaik sahaja ia dilaksanakan.
- (c) Kami boleh pada bila-bila masa menolak untuk melaksanakan arahan pemindahan dana anda untuk sebarang keadaan yang dinyatakan dalam Klausula 11.3.

17.10 **Bank tiada liabiliti terhadap anda.** Anda bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada anda bagi kerugian akibat daripada:

- (a) untuk sebarang kelengahan atau penolakan oleh pihak-pihak penerima atau pengantara yang mungkin berlaku semasa pemindahan, pengiriman dan/ atau pengeluaran dana daripada akaun anda;

- (b) kelengahan atau penolakan pemindahan telegrafik (yang timbul daripada butir-butir pembayaran yang tidak tepat atau lengkap yang diberi oleh anda), bagi sebarang kesilapan, peninggalan atau kecacatan yang mungkin berlaku semasa penghantaran mesej (secara harafiah atau dalam kod (*cipher*)) atau kesalahan penafsiran oleh pihak penerima atau pengantara apabila menerimanya; atau
 - (c) arahan anda untuk membatalkan sesuatu arahan bayaran atau pengiriman.
- 17.11 **Peruntukan dana dalam akaun anda.** Anda bersetuju bahawa Bank mempunyai budi bicara untuk menentukan susunan kedahuluan bayaran dari dana dalam akaun anda, untuk instrumen yang dikeluarkan dari akaun anda atau sebarang arahan tetap atau bayaran pihak ketiga daripada anda.

18. ATM DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAYAN DIRI

- 18.1 **Kad ATM.** Anda boleh memohon kad ATM untuk melaksanakan transaksi atau mengakses perkhidmatan yang disediakan melalui sesuatu ATM. Kad ATM juga merupakan kad debit yang boleh anda gunakan untuk membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan. Anda mesti bersetuju dengan Terma dan Syarat Khusus untuk ATM dan kad debit jika anda ingin menggunakan kad ATM/debit.
- 18.2 **Kemudahan-kemudahan layan diri.** Anda boleh menggunakan ATM, kemudahan-kemudahan automatik atau kemudahan-kemudahan layan diri yang disediakan oleh pihak Bank untuk mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank seperti perkhidmatan ATM, perkhidmatan deposit tunai atau deposit cek. Anda dikehendaki mengikut prosedur yang ditetapkan dengan ketat apabila menggunakan kemudahan-kemudahan automatik yang disediakan oleh pihak Bank. Sebahagian daripadanya ialah:
- (a) Anda dikehendaki memastikan bahawa sesuatu cek yang tidak dipalangkan hendaklah dipalangkan dengan melukis 2 garisan pepenjuru di penjuru kiri sebelah atas cek sebelum mendepositkannya untuk mengelakkan pengendorsan atau perubahan penipuan yang dibuat kepada cek.
 - (b) Anda dikehendaki melengkapkan nama, nombor telefon dan nombor akaun penerima pada bahagian belakang setiap cek sebelum mendepositkannya.
 - (c) Anda dikehendaki memeriksa semua transaksi-transaksi debit atau kredit selepas menggunakan kemudahan-kemudahan automatik. Sekiranya terdapat kesilapan atau kepincangan, anda dikehendaki menghubungi pihak Bank dengan segera.
 - (d) Anda mesti berhati-hati dan teliti dalam menggunakan ATM, kemudahan automatik atau kemudahan layan diri yang disediakan oleh Bank.
 - (e) Sekiranya anda mengalami masalah cetakan atau cacat penglihatan, sila terus ke cawangan kami untuk melaksanakan transaksi di kaunter.
- 18.3 **Kegagalan di luar kawalan Bank.** Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mekanikal atau sebab lain yang berada di luar kawalan pihak Bank.

19. PEMBALIKAN DAN HAK BANK UNTUK MENDEBIT

- 19.1 Anda bersetuju bahawa kami berhak untuk mendebit akaun (-akaun) anda tanpa notis apabila kami perlu mendapat kembali dana yang dikreditkan lebih awal di bawah mana-mana satu senario berikut:
- (a) pembayaran secara tidak sengaja yang disebabkan oleh pengirim;
 - (b) kesilapan pembayaran yang dibuat oleh bank pengirim yang mungkin disebabkan oleh kesilapan teknikal atau operasi yang bukan kesalahan pengirim;
 - (c) kesilapan pembayaran yang dibuat oleh pengendali sistem bayaran yang mungkin disebabkan oleh kesilapan teknikal atau operasi;

- (d) arahan pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan yang tidak dimulakan oleh pengirim;
- (e) pembayaran dilaksanakan akibat daripada sesuatu instrumen palsu (forged), aktiviti yang menyalahi undang-undang atau penipuan;
- (f) arahan pembayaran yang telah didorong dengan cara yang tidak jujur atau penipuan untuk faedah pihak selain daripada pihak yang dimaksudkan oleh pengirim;
- (g) kami mengkreditkan akaun anda secara tidak sengaja;
- (h) apabila cek, instrumen, perintah atau arahan pembayaran yang berkenaan adalah kemudiannya dikembalikan tanpa bayaran atau tidak boleh diserahkan atau ditunaikan akibat daripada kehilangan atau kemusnahan atau salah-letak dalam proses penyerahan;
- (i) jumlah yang sebelum ini dikreditkan dalam akaun anda berkaitan dengan cek yang tidak boleh dilunaskan; atau
- (j) untuk membatalkan mana-mana pembayaran yang diterima melalui kaedah elektronik daripada seorang residen atau akaun luar untuk kredit ke akaun luar anda dengan kami, sekiranya pemula tidak memberikan kami dengan tujuan pembayaran, atau sekiranya jumlah tersebut melebihi RM10,000 sehari dan/atau jika ianya adalah berasal daripada sumber yang tidak dibenarkan di bawah DAP.

Sekiranya tiada dana yang mencukupi dalam akaun (-akaun) untuk membayar semua jumlah tersebut, anda berhutang dan mesti membayar kepada kami jumlah penuh kekurangan tersebut dengan segera.

19.2 Apabila kami membatalkan sesuatu pembayaran dalam akaun anda atas sebab yang dinyatakan di perenggan sebelum ini, kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang dialami oleh anda.

19.3 Kami juga mungkin mendebitkan akaun anda tanpa notis untuk sebab-sebab berikut:

- (a) berdasarkan dengan arahan anda (termasuk arahan tetap atau mandat debit terus);
- (b) bayaran untuk yuran dan caj-caj;
- (c) bayaran untuk pampasan pembayaran lewat;
- (d) bayaran untuk cukai, duti setem, levi-levi dan caj kerajaan;
- (e) sekiranya diperlukan oleh undang-undang terpakai;
- (f) pematuhan dengan perintah mahkamah atau permintaan daripada Pihak Berkuasa;
- (g) pihak Bank menjalankan Aktiviti Pematuhan Jenayah Kewangan; dan
- (h) yuran guaman dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Bank berhubung dengan sebarang prosiding undang-undang berkenaan dengan akaun anda sama ada atau tidak Bank dinamakan sebagai pihak.

19.4 Apabila melaksanakan hak kami untuk mendebit di bawah Klausula ini, kami akan memberikan notis terlebih dahulu sekiranya kami diperlukan untuk membuat sedemikian di bawah undang-undang yang terpakai. Sebaliknya, kami mungkin memberikan notis (sama ada terlebih dahulu atau seterusnya) mengikut budi bicara munasabah kami dan notis sedemikian mungkin termasuk sesuatu entri dalam penyata bank anda.

20. CEK-CEK (UNTUK RINGGIT AKAUN SEMASA SAHAJA)

20.1 **Permohonan untuk buku cek.** Anda boleh memohon untuk sebuah buku cek pada bila-bila masa mengikut cara yang dibenarkan oleh pihak Bank. Cek-cek tidak boleh ditunaikan dari Bank melainkan daripada borang yang dibekalkan dan didaftarkan untuk tujuan tersebut. Duti setem yang dikenakan untuk setiap buku cek adalah dinyatakan dalam Yuran dan Caj Bank di www.alrajhibank.com.my dan akan didebitkan dari akaun anda.

- 20.2 **Pemberian kuasa untuk melunaskan cek yang ditunaikan.** Anda memberi kuasa kepada pihak Bank untuk melunaskan dan mematuhi dengan semua cek-cek yang anda tunaikan sama ada akaun anda ada dalam baki kredit atau debit atau mungkin melebihi had sebagai akibat.
- 20.3 **Memeriksa buku cek anda.** Anda dikehendaki, setelah menerima sebuah buku cek:
- (a) menyemak jumlah buku cek yang betul.
 - (b) mengira mempunyai jumlah mukasurat cek yang betul.
 - (c) menyemak butir-butir akaun yang dicetak adalah betul.
 - (d) membaca dan mengikut arahan-arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek tersebut.
 - (e) memaklumkan kami tentang sebarang percanggahan atau kesilapan dalam buku cek.
- Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana kerugian gagal untuk melakukan mana-mana perkara di atas.
- 20.4 **Pastikan buku cek selamat.** Anda dikehendaki menghalang akses kepada buku cek anda, cek yang ditandatangani dan tidak ditandatangani dengan memastikannya selamat. Anda perlu menanggung semua kerugian yang timbul daripada sebarang penggunaan buku cek atau cek anda tanpa kebenaran anda.
- 20.5 **Syarat-syarat untuk mengeluarkan cek anda.** Anda harus:
- (a) hanya mengeluarkan sesuatu cek apabila anda mempunyai dana jelas dan mencukupi dalam akaun anda untuk mengeluarkan cek tersebut. Anda akan dikenakan caj untuk cek-cek yang dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi seperti yang dinyatakan dalam Yuran dan Caj Bank di www.alrajhibank.com.my yang akan didebitkan dalam akaun anda.
 - (b) hanya mengeluarkan sesuatu cek dalam ringgit menggunakan buku cek yang diberikan oleh pihak Bank.
 - (c) mematuhi arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek.
 - (d) tidak membuat sebarang pindaan pada sesuatu cek. Kami berhak untuk tidak melayan dan memulangkan cek anda sekiranya terdapat pindaan walaupun ditandatangani balas oleh penandatangan yang diberi kuasa.
 - (e) tidak menulis apa-apa pada cek, selain daripada tarikh, penerima, jumlah dan menurunkan tandatangan penandatangan yang diberi kuasa. Kami mungkin mengabaikan notasi tersebut tanpa bertanggungjawab kepada anda.
 - (f) berhati-hati dan tidak menulis cek dalam cara yang boleh memudahkan penipuan (*fraud*). Sekurang-kurangnya, anda mesti:
 - (i) menulis dan menandatangani dengan dakwat yang tidak boleh dipadamkan. Tidak menggunakan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau apa-apa instrumen lain yang boleh dipadamkan).
 - (ii) tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan.
 - (iii) tidak menandatangani cek-cek kosong.
 - (iv) memusnahkan cek-cek yang rosak.
 - (g) memaklumi kami sekiranya buku cek atau cek anda dicuri atau hilang.
 - (h) membandingkan cek yang dikeluarkan dari akaun anda dengan penyata bank yang diberikan oleh pihak Bank dan memaklumi Bank dengan segera mengenai sebarang ketidakaturan.
 - (i) tidak mengeluarkan sebarang cek-cek tarikh hadapan (*post-dated cheques*).

- 20.6 **Hak Bank untuk menolak cek anda.** Pihak Bank akan menolak dan tidak melunaskan cek anda sekiranya ia dicatitkan, rosak, tidak boleh dibaca, telah diubah, mempunyai kesilapan teknikal, cek tarikh hadapan, mengandungi perkataan dan angka yang tidak konsisten, mengandungi tandatangan yang tidak lengkap, mempunyai tandatangan yang berbeza daripada spesimen yang dibekalkan kepada pihak Bank, atau jika anda mempunyai kekurangan dana dalam akaun anda untuk menjelaskannya (cek lapuk). Kami mungkin mengenakan yuran pengendalian jika kami terpaksa menolak atau tidak melunaskan cek anda.
- 20.7 **Anda akan menanggung kerugian jika anda tidak cuba menghalang penipuan.** Sekiranya anda mengalami kerugian daripada penggunaan tanpa kebenaran buku cek atau cek anda, kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya anda tidak mematuhi langkah-langkah di atas atau pencegahan lain-lain yang munasabah. Sekiranya anda menghantar cek yang telah ditandatangani terlebih dahulu atau cek kosong dan ia dikemukakan oleh penerima kepada pihak Bank untuk pembayaran, penerima dianggap telah mendapat kebenaran anda untuk melengkapkan cek bagi pihak anda.
- 20.8 **Penghentian pembayaran sesuatu cek.** Kami tidak boleh menghentikan pembayaran setelah ia dibentangkan untuk pembayaran. Arahan anda untuk menghentikan pembayaran cek hendaklah secara bertulis, dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh pihak Bank dan akan berkuatkuasa hanya apabila diterima dan diakui oleh pihak Bank sebelum cek dibentangkan untuk pembayaran. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang cek yang dilunaskan sebelum penerimaan sebarang arahan pemberhentian pembayaran (*stop payment*) daripada pihak Pelanggan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya tiada masa yang mencukupi untuk bertindak atas arahan pemberhentian pembayaran. Kami mungkin akan mengenakan yuran perkhidmatan untuk melaksanakan sebarang arahan pemberhentian pembayaran.
- 20.9 **Kesemua cek kekal sebagai hakmilik Bank.** Selepas penamatan akaun anda sama ada oleh anda atau pihak Bank, anda dikehendaki mengembalikan kesemua cek yang tidak digunakan kepada pihak Bank.

21. PENYATA AKAUN-AKAUN

- 21.1 **Anda mendapat penyata bank berkala.** Dimana akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan disertakan dengan penyata bank berkala, penyata tersebut akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekali sebulan atau pada selang masa lain yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank. E-penyata akaun akan disediakan dalam talian melalui saluran perbankan elektronik dan/atau dihantar dalam bentuk elektronik kepada anda. Anda boleh meminta penyata-penyata untuk dihantar kepada anda atau dicetak di cawangan-cawangan kami tetapi kami akan mendebitkan akaun anda untuk caj yang terpakai untuk berbuat demikian. Kami mungkin tidak akan menjana penyata sekiranya tiada transaksi pada bulan tersebut.
- 21.2 **Anda mesti memaklumi kami sekiranya anda tidak setuju dengan apa-apa dalam penyata.** Anda bersetuju untuk menyemak dan mengesahkan setiap dan semua transaksi yang disenaraikan dalam penyata untuk memastikan sama ada terdapat sebarang kesilapan, penyelewengan, transaksi tanpa kebenaran atau penipuan. Anda mesti memaklumi kami dengan segera sekiranya anda mendapati sebarang kesilapan, penyelewengan, transaksi yang tidak dibenarkan atau penipuan.
- 21.3 **Penyata bulanan merupakan bukti muktamad melainkan anda membantah dalam tempoh 30 hari kalendar.** Sekiranya anda tidak menghubungi kami secara bertulis mengenai ketidakterimaan sesuatu penyata daripada kami, atau untuk memaklumi kami tentang mana-mana perkara dalam penyata yang anda tidak bersetuju dengannya dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh penerimaan penyata dihantar ke alamat terakhir Pelanggan atau disediakan secara elektronik, akaun atau rekod pihak Bank akanlah menjadi bukti muktamad bagi entri-entri dan baki-baki transaksi berkenaan dengan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan dan anda dianggap telah menerima semua perkara yang terkandung dalam penyata sebagai benar dan tepat dalam semua aspek. Sebarang pindaan yang anda minta selepas tempoh 30 hari adalah mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.

22. PAMPASAN (TA'WIDH) UNTUK PEMBAYARAN LEWAT ATAU INKAR

Anda mesti membayar pampasan sekiranya anda tidak membayar tepat pada masanya. Anda mengakui bahawa kami boleh diberi pampasan untuk sebarang pembayaran lewat atau keingkaran dalam pembayaran yang dikira seperti berikut:

- (a) pada kadar satu peratus (1%) setahun atau kos sebenar yang dikira oleh pihak Bank (yang mana lebih rendah) ke atas ansuran tertunggak atau baki tertunggak (yang mana berkenaan) dari tarikh matang sehingga tarikh pembayaran penuh atau sehingga tamat tempoh pembiayaan atau sehingga tarikh penghakiman (yang mana lebih awal); dan
- (b) pada kadar setahun seperti yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan syarat kadar tersebut tidak akan pada bila-bila masa melebihi kos sebenar yang dikira oleh pihak Bank atau Kadar Pasaran Wang Islam (IIMM) semasa ("**kadar IIMM**", iaitu purata wajaran harian kadar semalaman abagi pelaburan Mudharabah antara bank yang disebut harga dalam pasaran wang antara bank Islam Malaysia) (yang mana lebih rendah) pada baki tertunggak selepas tamat tempoh tempoh atau selepas tarikh penghakiman (yang mana lebih awal) sehingga tarikh pembayaran penuh; atau
- (c) melalui kaedah lain yang diluluskan oleh SAC Bank Negara Malaysia.

Caj-caj pampasan tersebut tidak boleh dikompaun. Hak untuk mendapatkan pampasan untuk pembayaran lewat tidak akan menjejaskan mana-mana hak pihak Bank yang lain.

23. YURAN & CAJ

23.1 **Pendedahan yuran dan caj.** Pihak Pelanggan mengaku bahawa yuran dan caj yang terpakai boleh didapati di laman web pihak Bank di <https://www.alrajhibank.com.my/> dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat Am ini. Pihak Bank berhak untuk mengenakan dan/atau menyemak semula dari semasa ke semasa mana-mana yuran dan caj yang dirujuk dalam Klausa ini sebagaimana yang pihak Bank mengikut budi bicaranya melihat sesuai menurut Klausa 1.3.

23.2 **Debit.** Anda memberi kuasa kepada kami untuk mendebit sebarang akaun anda dengan yuran dan caj yang terpakai.

24. AKAUN BERSAMA

24.1 Operasi akaun bersama

- (a) Pihak Bank boleh menerima permohonan untuk akaun bersama dibuka oleh dua atau lebih pelanggan individu tetapi tidak melebihi nombor yang ditentukan oleh Bank. Akaun bersama hendaklah dikendalikan mengikut mandat yang diberikan oleh pemegang akaun bersama yang akan mengikat semua pemegang akaun bersama. Perubahan kepada mandat memerlukan tandatangan semua pemegang akaun bersama kecuali dalam ketidakupayaan atau kematian seseorang, di mana bukti yang boleh diterima oleh Bank mesti disediakan. Di mana Bank diarahkan dan diberi kuasa untuk bertindak atas arahan oleh mana-mana pemegang akaun, akaun bersama boleh dikendalikan dan/atau ditutup oleh mana-mana pemegang akaun. Di mana Bank diarahkan dan diberi kuasa untuk bertindak atas arahan oleh kedua-dua atau semua pemegang akaun, akaun(-akaun) boleh dikendalikan dan/atau ditutup hanya oleh kedua-dua atau semua pemegang akaun, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (b) Sekiranya tiada mandat khusus yang menyatakan sebaliknya, semua akaun bersama yang kemudiannya dibuka oleh pemegang akaun bersama yang sama akanlah dikendalikan dan diuruskan mengikut mandat yang diberikan semasa akaun bersama pertama dibuka.
- (c) Perenggan (a) di atas tidak mengehadkan pihak Bank daripada mendapatkan pengesahan bertulis daripada semua pemegang akaun sebelum melaksanakan sebarang arahan yang diberikan oleh mana-mana satu atau lebih pemegang akaun

bersama berhubung dengan operasi akaun(-akaun) bersama, tanpa bertanggungjawab kepada mana-mana pemegang akaun bersama untuk membuat sedemikian.

- (d) Sekiranya salah seorang pemegang akaun bersama meninggal dunia, penakat pemegang akaun bersama akan mempunyai kuasa penuh untuk mengoperasi akaun bersama dan pihak Bank akan memegang sebarang baki yang tinggal dalam kredit akaun bersama kepada perintah tunggal pemegang akaun bersama yang masih hidup. Kami tidak akan menanggung liabiliti dalam bergantung pada arahan penakat pemegang akaun bersama. Pembayaran kepada penakat pemegang akaun bersama adalah perlepasan tanggungan yang sempurna ke atas Bank.
- (e) Sekiranya berlaku kebangkrutan atau kegilaan mana-mana pemegang akaun bersama, Bank boleh memegang apa-apa baki yang tinggal dalam kredit akaun(-akaun) bersama kepada perintah tunggal pemegang akaun bersama yang tidak muflis atau tidak siaman pemegang akaun, mengikut mana-mana yang mungkin, tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang terpakai. Kami tidak akan menanggung liabiliti terhadap kebergantungan pada arahan pemegang akaun bersama yang tidak muflis atau tidak siaman. Pembayaran kepada pemegang akaun bersama yang tidak muflis atau tidak gila adalah perlepasan tanggungan yang sempurna ke atas Bank.
- (f) Kami boleh menggantung operasi suatu akaun bersama:
 - (i) sekiranya terdapat pertikaian antara pemegang akaun bersama dan pertikaian tersebut tidak dapat diselesaikan kepada kepuasan kami;
 - (ii) sekiranya mana-mana pemegang akaun bersama cuba membatalkan mandat akaun atau memaklumi kami mengenai niatnya untuk membatalkan mandat akaun;
 - (iii) sekiranya mana-mana pemegang akaun bersama cuba menutup atau membekukan akaun atau memaklumi kami mengenai niatnya untuk menutup atau membekukan akaun;
 - (iv) sekiranya mana-mana pemegang akaun bersama telah diisytiharkan muflis atau petisyen kebangkrutan telah dikemukakan kepada terhadap pemegang akaun bersama; atau
 - (v) sebarang situasi lain yang dianggap perlu seperti yang diperuntukkan di bawah keperluan undang-undang atau peraturan.
- (g) Sebarang amaun yang perlu dibayar, cek atau mana-mana instrumen kewangan lain yang perlu dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama boleh didepositkan ke dalam akaun bersama. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian yang timbul daripada pembayaran hasil cek atau instrumen kewangan tersebut ke dalam akaun bersama. Pembayaran sedemikian hendaklah mengikat semua pemegang akaun bersama, secara bersama dan berasingan, sama ada pembayaran sedemikian dibuat dengan pengetahuan, persetujuan atau kuasa mana-mana pemegang akaun bersama yang lain atau tidak.
- (h) Kami boleh menolak selesai baki kredit dalam akaun bersama terhadap baki debit dalam akaun lain yang mungkin dipegang oleh satu atau lebih pemegang akaun bersama.
- (i) Bank mempunyai hak untuk berurusan dengan setiap pemegang akaun bersama secara berasingan dalam apa-apa perkara termasuk melepaskan sebarang liabiliti pada sebarang tahap tanpa menjejaskan liabiliti pemegang akaun bersama yang lain.

24.2 **Notis kepada satu ialah notis kepada semua pemegang akaun bersama.** Liabiliti dan obligasi pemegang akaun bersama adalah secara bersama dan berasingan dan sebarang notis yang diberikan kepada seorang pemegang akaun bersama akan dianggap sebagai diberikan kepada semua pemegang akaun bersama.

24.3 **Indemniti kepada Bank.** Semua pemegang akaun bersama secara bersama dan berasingan mengakujaji untuk menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap kerugian,

tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain walau apa jua pun yang timbul daripada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.

25. SYARIKAT / PERKONGSIAN / KELAB / PERTUBUHAN / PERSATUAN / AMANAH AMAL

25.1 Organisasi sebagai Pelanggan. Sekiranya anda diperbadankan sebagai sebuah syarikat, perkongsian, kelab, pertubuhan, persatuan, amanah amal, badan kerajaan atau mana-mana entiti undang-undang lain, kami akan memerlukan senarai penandatanganan yang diberi kuasa dan tandatangan spesimen mereka yang boleh memberi arahan bagi pihak anda. Anda dikehendaki memberi dokumen dan maklumat yang kami perlukan mengenai penandatanganan yang diberi kuasa dan dokumen atau resolusi yang memuaskan yang membuktikan pemberian kuasa kepada penandatanganan yang diberi kuasa. Kami diberi kuasa untuk bertindak atas arahan yang diberikan oleh penandatanganan yang diberi kuasa mengenai akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan melainkan dan sehinggalah kami menerima notis bertulis daripada anda mengenai sebarang penukaran penandatanganan yang diberi kuasa dan mempunyai peluang yang mencukupi untuk bertindak sama. Sekiranya anda telah melantik lebih dari satu penandatanganan yang diberi kuasa, pihak Bank berhak untuk bertindak atas arahan yang diberikan oleh mana-mana atau satu atau lebih daripada penandatanganan yang diberi kuasa.

25.2 Mandat Akaun. Suatu mandat akaun yang diberikan kepada Bank hendaklah jelas, bertulis dan dari segi yang boleh diterima oleh Bank. Anda dikehendaki memaklumkan sebarang perubahan kepada mandat akaun secara bertulis kepada pihak Bank. Suatu mandat akaun akan berkuatkuasa sehingga dibatalkan atau dipinda secara bertulis oleh pihak Pelanggan. Pihak Bank berhak untuk bertindak mengikut mandat melainkan dan sehinggalah kami telah menerima notis bertulis daripada anda tentang sebarang pembatalan atau perubahan kepada mandat akaun dan mempunyai peluang yang mencukupi untuk bertindak atas perkara yang sama. Sekiranya tiada mandat khusus yang menyatakan sebaliknya, semua akaun yang kemudiannya dibuka oleh Pelanggan yang sama akanlah dikendalikan dan diuruskan mengikut mandat yang diberikan semasa akaun bersama pertama dibuka.

25.3 Orang yang tidak diperbadankan. Sekiranya anda diperbadankan sebagai kumpulan orang yang tidak diperbadankan atau bertindak menurut perkiraan tanpa kapasiti undang-undang yang berasingan seperti perkongsian, kelab, pertubuhan, persatuan atau amanah amal:

- (a) liabiliti semua individu yang membentuk atau memegang jawatan penting dalam entiti yang tidak diperbadankan seperti rakan kongsi, pegawai awam, pemegang jawatan, jawatankuasa pengelola dan pemegang amanah adalah bersama dan berasingan (**Parti Pelanggan**);
- (b) mandat yang diberikan akan terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan secara bertulis walaupun terdapat perubahan dalam nama atau perlembagaan orang yang tidak diperbadankan oleh kematian, kebangkrutan, persaraan, peletakan jawatan, kemasukan individu baru atau sebarang perubahan dalam keahlian dan Terma dan Syarat Am ini akan terus kekal sah dan terpakai; dan
- (c) sebarang tuntutan, notis atau komunikasi yang diberikan oleh pihak Bank kepada satu atau lebih Parti Pelanggan akan dianggap sebagai tuntutan, notis atau komunikasi yang diterima oleh semua Parti Pelanggan.

25.4 Perundangan. Sekiranya Pelanggan merupakan sesuatu entiti yang ditubuhkan di bawah undang-undang tertentu, Pelanggan dikehendaki memastikan bahawa mandat akaun hendaklah mematuhi undang-undang khusus yang terpakai kepada Pelanggan.

26. AKAUN KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR / AMANAH (UNTUK ORANG DI BAWAH UMUR)

26.1 Penjaga, ibu bapa atau pemegang amanah yang sah. Penjaga yang sah, ibu bapa atau pemegang amanah kanak-kanak bawah umur boleh membuka akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah atas amanah untuk faedah kanak-kanak yang dinamakan di bawah umur lapan belas (18 tahun).

- 26.2 **Operasi Akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah.** Akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah akan dibuka, dikekalkan dan dioperasi oleh penjaga yang sah, ibu bapa atau pemegang amanah. Pada setiap masa, pihak Bank akan menganggap ibu bapa atau pemegang amanah sebagai Pelanggan, bukannya kanak-kanak. Pihak Bank boleh membenarkan kad ATM/debit dikeluarkan kepada kanak-kanak tersebut. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada Bank untuk penggunaan kad ATM/debit oleh kanak-kanak. Ini bukan merupakan akaun bersama antara Pelanggan dengan kanak-kanak tersebut.
- 26.3 **Mandat baru.** Anda harus memberi kami suatu arahan dan mandat baru apabila kanak-kanak tersebut mencapai lapan belas (18) tahun. Sekiranya tiada arahan sedemikian, kami boleh, tetapi tidak bertanggungjawab untuk terus membenarkan anda mengendalikan akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah berdasarkan mandat sedia ada. Kami boleh mengikut budi bicara kami menutup atau menukar akaun kepada nama kanak-kanak apabila kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas (18) tahun.
- 26.4 **Tanggungjawab bersama dan berasingan.** Pelanggan (sekiranya melebihi 1 orang) akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan kepada pihak Bank untuk melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat Am ini dan suatu Terma dan Syarat Khusus.
- 26.5 **Tiada kewajipan untuk memantau.** Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank tidak mempunyai tanggungjawab untuk memantau akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah atau operasi akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah mematuhi dengan kewajipan Pelanggan sebagai pemegang amanah. Pelanggan akan memastikan pihak Bank ditanggung rugi dengan sepenuhnya untuk sebarang kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang timbul daripada mana-mana tuntutan terhadap pihak Bank atau berkaitan dengan operasi akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah melainkan kecuai melampau, keingkaran sengaja atau penipuan pada pihak Bank.
- 26.6 **Kematian atau persaraan.** Pelanggan bersetuju untuk segera memberitahu Bank tentang kematian, peletakan jawatan dan/atau pelantikan mana-mana pemegang amanah atau kematian kanak-kanak di bawah umur. Berikutan:
- (a) kematian kanak-kanak tersebut, kami akan membayar dana tersebut dalam akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah kepada atau mengikut arahan Pelanggan.
 - (b) kematian atau peletakan jawatan oleh Pelanggan, akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah akan dibekukan dan perkara-perkara mengenai akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah akan dirujuk kepada penjaga atau pemegang amanah yang baru di bawah umur.

27. PENUKARAN MATAWANG

Kami boleh, untuk sebarang tujuan di bawah Terma dan Syarat Am ini dan Terma dan Syarat Khusus, melaksanakan penukaran matawang berdasarkan kadar semasa pihak Bank, tertakluk kepada mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai.

28. NOTIS-NOTIS DAN KOMUNIKASI

- 28.1 **Kaedah-kaedah komunikasi.** Kami boleh menghantar notis-notis atau surat-menyurat kepada anda secara bertulis dengan:
- (a) menyampaikannya secara peribadi;
 - (b) menghantarnya melalui pos biasa, kurier, pos berdaftar;
 - (c) menghantarnya melalui faksimili, SMS atau e-mel; atau
 - (d) menghantarnya melalui saluran perbankan elektronik kami,
- kepada maklumat hubungan dalam rekod kami. Anda dikehendaki segera memaklumkan Bank secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam alamat, telefon, telefon bimbit, nombor faksimili dan alamat e-mel anda dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa sebaik sahaja Bank menerima notis dan mempunyai peluang yang mencukupi untuk bertindak ke atasnya.

Kami juga mungkin menerbitkan notis kepada pelanggan di laman web kami dan/atau di cawangan kami.

28.2 **Masa penghantaran.** Pelanggan akan dianggap telah menerima notis atau surat-menyurat daripada pihak Bank:

- (a) sekiranya disampaikan secara peribadi, pada masa penyampaian;
- (b) sekiranya dihantar melalui faksimili atau e-mel atau bentuk komunikasi elektronik bertulis lain, pada hari penghantaran;
- (c) sekiranya dihantar melalui pos atau kurier, tiga (3) hari kalendar selepas pengeposan;
- (d) sekiranya dihantar melalui saluran perbankan elektronik, pada masa penghantaran;
- (e) sekiranya diterbitkan pada laman web atau cawangan kami, pada masa penerbitan.

28.3 **Proses undang-undang.** Semua komunikasi termasuk penyampaian sebarang proses undang-undang yang dihantar melalui pos kepada atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan dalam rekod pihak Bank akan dianggap telah dihantar dengan sewajarnya kepada dan diterima oleh Pelanggan.

28.4 **Notis anda tidak boleh ditarik balik setelah diterima.** Your notice is irrevocable once received. Sebarang notis daripada Pelanggan kepada pihak Bank berkaitan dengan akaun, produk atau perkhidmatan, hendaklah secara bertulis, ditandatangani atau diperakui oleh Pelanggan, dihantar ke alamat Bank di mana akaun tersebut diselenggarakan dan akan berkesan dan tidak boleh ditarik balik sebaik sahaja ia benar-benar diterima oleh pihak Bank.

28.5 **Rakaman.** Kami mungkin merakam kandungan sebarang perbualan telefon dengan anda untuk tujuan keselamatan, kualiti perkhidmatan dan latihan. Anda bersetuju dan membenarkan kami merakam perbualan dan menggunakan rakaman tersebut sebagai bukti arahan dan komunikasi lisan lain dalam sebarang prosiding, aduan-aduan atau atau pertikaian yang dibawa berkaitan dengan Terma dan Syarat Am ini.

28.6 **Risiko medium elektronik.** Kami diberi kuasa untuk berkomunikasi dengan anda melalui saluran komunikasi elektronik. Sebarang komunikasi antara kami dan anda melalui e-mel atau sebarang cara elektronik lain yang tidak sah atau tidak selamat dilakukan atas risiko anda,

29. INDEMNITI-INDEMNITI

Indemniti untuk kerugian. Anda (dan wakil-wakil peribadi anda) akan menanggung rugi dengan sepenuhnya kami, ejen dan perwakilan kami, ahli gabungan kami, ejen dan perwakilan ahli gabungan kami dan mana-mana pekerja, pegawai atau pengarah kami atau mereka (setiap **Orang Yang Ditanggung Rugi**) terhadap semua tuntutan, kos dan perbelanjaan yang munasabah (termasuk yuran guaman), ganti rugi, liabiliti dan kerugian yang mungkin dialami atau ditanggung oleh mana-mana Orang Yang Ditanggung Rugi secara langsung atau tidak langsung akibat daripada, atau berkaitan dengan, atau timbul daripada mana-mana akaun, produk, perkhidmatan atau transaksi yang dilaksanakan atau kononnya dilaksanakan mengikut arahan anda, atau dalam pelaksanaan budi bicara, kuasa dan kewajipan mana-mana Orang Yang Ditanggung Rugi tersebut berkaitan dengan Terma dan Syarat Khusus yang terpakai atau Terma dan Syarat Am ini, atau berkaitan dengan sebarang tuntutan, tindakan, prosiding atau siasatan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat Khusus yang terpakai atau Terma dan Syarat Am ini (termasuk semua kos penguatkuasaan) kecuali untuk keingkaran yang disengajakan, penipuan, kecuaiannya pada pihak Orang Yang Ditanggung Rugi. Indemniti tersebut akan berterusan walaupun penamatan akaun, produk atau perkhidmatan dan penamatan Terma dan Syarat Khusus yang terpakai atau Terma dan Syarat Am ini.

30. PEMBATASAN LIABILITI

30.1 **Sekatan ke atas liabiliti.** Kami tidak mengecualikan atau menghadkan dengan apa cara sekalipun liabiliti kami kepada anda di mana ia adalah menyalahi undang-undang untuk berbuat demikian.

30.2 Pembatasan liabiliti kami

- (a) Kecuali sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan, di mana mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh tindakan melulu, keingkaran yang disengajakan, kecuai atau penipuan pada pihak Bank atau pegawainya, liabiliti penuh dan mutlak kami (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih banyak tuntutan) kepada anda dalam kontrak atau tort tidak boleh melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami itu, mengikut mana yang lebih rendah. Dalam apa jua keadaan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang hilang perniagaan, hilang untung, pendapatan atau nama baik, hilang data, ganti rugi tidak langsung, khas atau sampingan, liability, tuntutan-tuntutan, kerugian, perbelanjaan, bayaran perbelanjaan, award-award, prosiding-prosiding dan kos tidak kira sama ada kemungkinan kerugian atau ganti rugi tersebut telah didedahkan kepada, atau boleh diramalkan dengan munasabah, oleh kami.
- (b) Anda tidak harus membuat Bank bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh anda akibat daripada kegagalan perkhidmatan yang disebabkan oleh kerosakan atau kepincangan mana-mana komputer, rangkaian atau peralatan yang tidak berada di bawah kawalan pihak Bank, percubaan atau tindakan keganasan sebenar, perebakan wabak, tindakan-tindakan Tuhan atau sebarang keadaan yang di luar kawalan Bank.
- (c) Anda tidak akan membuat Bank bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh anda apabila kami melaksanakan budi bicara atau hak kami yang diperuntukan di bawah Terma dan Syarat Am ini.
- (d) Anda tidak akan membuat Bank bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh anda apabila kami menerima dan bertindak atas arahan anda di mana kami mempercayai dengan niat baik ianya berasal daripada anda.
- (e) Anda tidak akan membuat Bank bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh anda akibat daripada kemungkiran anda terhadap Terma dan Syarat Am ini atau Terma dan Syarat Khusus yang terpakai, anda melanggar undang-undang yang terpakai atau sebarang aktiviti pemalsuan atau penipuan yang dijalankan oleh pengarah, pengurusan kanan, pekerja-pekerja, pemegang saham, rakan kongsi, pemegang jawatan, pemegang amanah, penandatanganan yang diberi kuasa, ejen anda dan mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihak anda.

30.3 **Klausu ini bertahan walaupun penamatan.** Setiap peruntukan dalam Klausu ini hendaklah ditafsirkan sebagai suatu batasan yang berasingan yang bertahan walaupun akaun, produk atau perkhidmatan ditamatkan.

30.4 **Insentif-insentif dan faedah-faedah.** Sebarang pengaturan antara pihak Bank dengan rakan niaganya untuk memberikan insentif-insentif dan faedah-faedah kepada anda adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pihak Bank. Pihak Bank dan rakan niaganya tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada ancaman atau ketidakpuasan daripada penggunaannya atau salah penggunaannya.

31. ADUAN PELANGGAN DAN PROSEDUR

31.1 Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan mengenai kami, anda boleh menghubungi kami atau menulis kepada kami di:

Manager, Customer Resolution
Level 17, Menara Chan
138, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Tel: +603 2332 6000

Emel borang aduan tersedia di laman web kami (<https://www.alrajhibank.com.my/>):
customer.resolution@alrajhibank.com.my

- 31.2 Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada laman web kami untuk maklumat mengenai prosedur pengendalian aduan pelanggan kami.
- 31.3 Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan hasil penyiasatan kami, anda boleh merujuk aduan tersebut kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau Bank Negara Malaysia melalui eLINK (Borang Web) di <https://telelink.bnm.gov.my/> atau menghubungi Bank Negara Mal BNMTELELINK di 1-300-88-5465 dari Isnin sehingga Jumaat (9.00 pagi sehingga 5.00 petang) (seperti mana yang terpakai).

32. PENYEMAKAN KREDIT

Anda bersetuju untuk:

- (a) pihak Bank menjalankan semakan kredit dan mendapatkan laporan dan maklumat kredit dari semasa ke semasa mengenai Pelanggan, perniagaan dan/atau syarikat Pelanggan dan juga mana-mana penjamin dan pemberi cagaran, mana-mana pemegang saham (sama ada langsung, tidak langsung, di sisi undang-undang atau benefisial), pengarah dan pegawai syarikat Pelanggan, penjamin dan/atau pemberi cagaran, mana-mana rakan kongsi atau ahli perkongsian, mana-mana pemegang jawatan, mana-mana penandatanganan dan mana-mana orang dan/atau entiti lain yang mempunyai hubungan dengan Pelanggan yang relevan kepada hubungan Pelanggan dengan pihak Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Al Rajhi Bank (sepertimana yang terpakai) (kolektifnya **Subjek Data**) dari Biro Kredit Malaysia dan mana-mana agensi pelaporan kredit lain yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (seperti yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa); dan
- (b) Biro Kredit Malaysia dan mana-mana agensi pelaporan kredit lain yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (seperti yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa) mendapatkan dan menyimpan maklumat mengenai perniagaan Pelanggan dan/atau syarikat dan semua Subjek Data daripada sebarang sumber data yang tersedia, dan mendedahkan kepada pihak Bank sebarang maklumat seperti yang mungkin diminta oleh pihak Bank.

Pelanggan menjamin bahawa ia telah diberikan kuasa yang tidak boleh dibatalkan oleh Subjek data untuk memberikan kebenaran bagi pihak mereka.

33. HAK KUMULATIF, PENEPIAN

- 33.1 Hak-hak pihak Bank di bawah Terma dan Syarat Am ini dan Dokumen Tambahan adalah kumulatif dan boleh dilaksanakan sekerap seberapa kerap yang dianggap sesuai oleh Bank dan adalah di samping hak Bank yang lain di bawah sebarang undang-undang yang terpakai
- 33.2 Tiada tindakan, peninggalan atau kelengahan oleh pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana kuasa, hak atau remedi di bawah Terma dan Syarat Am ini akan dianggap sebagai penepian oleh pihak Bank melainkan penepian tersebut adalah disahkan oleh Bank secara bertulis.
- 33.3 Tiada pelaksanaan cacat, tunggal atau separa bagi hak, kuasa atau keistimewaan yang dengan ini diberikan kepada Bank akan menghalang pelaksanaannya oleh Bank dan tiada tindakan atau perlakuan atau perundingan pihak Bank atau bagi pihaknya dengan apa jua cara akan menghalang Bank daripada melaksanakan hak tersebut atau membentuk penangguhan atau apa-apa perubahan mana-mana hak tersebut.

34. PEMBAYARAN SECARA KASAR

Melainkan dipersetujui sebaliknya, semua jumlah yang perlu dibayar oleh anda di bawah Terma dan Syarat Am ini hendaklah dibayar bebas daripada, dan tanpa pegangan atau pemotongan untuk, sebarang cukai dalam apa jua bentuk yang dikenakan, dilevi, dipungut, ditahan atau ditaksirkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk mencukai, melainkan pegangan atau pemotongon bagi cukai atau duti tersebut adalah dikehendaki

undang-undang. Dalam keadaan itu, melainkan jika dipersetujui sebaliknya, anda dikehendaki membayar mana-mana jumlah tambahan yang akan menyebabkan jumlah bersih yang boleh diterima oleh kami (selepas mengambil kira pegangan atau pemotongan itu) adalah sama dengan jumlah yang akan diterima oleh kami sekiranya cukai tersebut tidak perlu ditahan atau dipotong.

35. PERAKAMAN PITA

Bank boleh memilih (tetapi adalah tidak diwajibkan) untuk merakamkan arahan-arahan lisan anda dan/atau komunikasi dengan pihak Bank. Anda bersetuju kepada rakaman sedemikian jika anda menghubungi kami secara peribadi atau melalui cara elektronik. Sebarang rakaman yang dibuat oleh kami adalah hakmilik pihak Bank dan akan terikat ke atas anda. Kami akan memperlakukan rakaman dengan cara yang sama seperti data peribadi anda.

36. BUKTI KONKLUSIF

Sesuatu penyata atau sijil yang ditandatangani oleh seorang pegawai Bank berkaitan dengan sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah ini merupakan bukti konklusif melainkan terdapat kesilapan yang nyata tetapi tiada apa-apa dalam Klausula ini akan menghalang pihak Bank daripada membetulkan mana-mana kesilapan atau percanggahan dalam penyata atau sijil tersebut dan mengeluarkan penyata atau sijil pengganti.

37. TIADA PENYERAHANHAK

Anda tidak boleh memindah, menyerahkan, menovasi, mencagar, menggadai, sub kontrak, mengisytiharkan amanah atas atau berurusan dengan apa-apa cara lain dengan mana-mana atau semua hak dan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat Am ini (termasuk akaun) dan Terma dan Syarat Khusus yang berkenaan tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu. Kami merizabkan hak untuk memindah, menyerahkan atau menovasi Terma dan Syarat Am ini (termasuk akaun) dan Terma dan Syarat Khusus yang berkenaan atau mana-mana hak atau obligasi di bawah Terma dan Syarat Am ini (termasuk akaun) dan Terma dan Syarat Khusus yang berkenaan tanpa kebenaran anda. Ini tidak akan menjejaskan hak-hak anda untuk menutup akaun di bawah Klausula 12 di atas.

38. KEBOLEHASINGAN

Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat Am ini atau suatu Terma dan Syarat Khusus menjadi tidak sah, salah di sisi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan atas apa-apa sebab sekalipun, ia akan diasingkan daripada dokumen tersebut dan akan dianggap dipadamkan daripadanya dan kesahihan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas dalam apa cara sekalipun.

39. LIABILITI BERSAMA DAN BERASINGAN

Sekiranya Pelanggan merangkumi lebih daripada seorang di sisi undang-undang, setiap orang akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat Am ini dan suatu Terma dan Syarat Khusus dan rujukan-rujukan kepada Pelanggan dalam Terma dan Syarat Am ini dan suatu Terma dan Syarat Khusus bermaksud setiap orang tersebut.

40. MASA INTIPATI

Masa hendaklah menjadi intipati.

41. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- 41.1 Penggunaan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami oleh anda adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Khusus yang terpakai pada akaun, produk atau perkhidmatan tertentu tersebut. Terma dan Syarat Khusus ini, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa, hendaklah terpakai, menambah dan dianggap digabungkan dengan merujuk dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat Am ini.
- 41.2 Pihak Bank boleh menawarkan kempen bermusim atau faedah promosi untuk mana-mana akaun, produk atau perkhidmatan. Penyertaan anda dalam mana-mana kempen bermusim atau tawaran promosi kami adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen kami.
- 41.3 Anda boleh melanggan kepada saluran elektronik perbankan kami (perbankan internet atau perbankan mudah alih) untuk mengakses akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami. Penggunaan saluran elektronik perbankan kami oleh anda adalah tertakluk kepada Terma Perbankan Elektronik.
- 41.4 Kami mungkin menawarkan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan melalui suatu aplikasi mudah alih baru di bawah suatu nama jenama yang berasingan dan berbeza selaras dengan inisiatif perbankan digital kami. Pihak Bank mungkin mengenalkan terma-terma lanjut dan ciri-ciri produk yang berbeza daripada tawaran sedia ada kami di bawah nama jenama Al Rajhi Bank semasa kami. Sekiranya anda sedang melanggan kepada akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan yang disediakan selaras dengan inisiatif perbankan digital ini, anda mesti membaca dan memahami terma-terma yang terpakai dan ciri-ciri tambahan produk.

42. ZAKAT

Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk pengiraan dan pembayaran Zakat bagi pihak anda.

43. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENTADBIR

- 43.1 **Undang-Undang yang mentadbir.** Peruntukan-peruntukan dalam Terma dan Syarat Am Ini dan setiap Dokumen Tambahan hendaklah ditadbir oleh, dan ditafsirkan selaras dengan, undang-undang Malaysia.
- 43.2 **Bidang kuasa.** Pelanggan menyerah diri kepada bidang kuasa yang bukan eksklusif dalam mahkamah-mahkamah di Malaysia.